**Peruntukan pendidikan Islam meningkat** MS 3

**PBAPP terus cemerlang** MS 15

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

JUN 16-30-, 2019

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Saringan Mamogram Percuma

## demi kesihatan wanita Pulau Pinang




(Berdiri dari kiri), DR. Afif Bahardin, Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, Hannah Yeoh Tseow Suan dan Chong Eng menyaksikan Majlis Menandatangani MoU Program Pemeriksaan Mamogram Percuma antara Kerajaan Negeri dan LPPKN di sini baru-baru ini.

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**KEPALA BATAS** – Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Negeri serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang ditandatangani pada 30 Mei lalu bakal memberi manfaat kepada golongan wanita negeri ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyatakan bahawa program tersebut merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri di bawah Program Penang Sihat.

"Pelaksanaan program ini adalah kesinambungan sejak tahun 2015, dan sehingga tahun 2018, seramai 11,834 wanita berumur 35 tahun dan ke atas telah disaring secara percuma.

"Kali ini, kita (Kerajaan Negeri bersama-sama LPPKN) menyasarkan wanita yang berumur 35 tahun dan ke atas untuk mendapat saringan mamogram percuma kerana Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2.66 juta bagi menjayakan program ini," ucapnya semasa menghadiri majlis menandatangani memorandum berkenaan di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh Tseow Suan; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Azhar Arshad.

Turut serta, Pengerusi LPPKN Malaysia, Datuk Dr. Narimah Awin; Ketua Pengarah LPPKN Malaysia, Abdul Shukur Abdullah; Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) LPPKN Malaysia, Adzhar Ismail dan Pengarah LPPKN Pulau Pinang, Dr. Azura Abdullah.

Mengulas lanjut, Afif memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri di bawah Program Penang Sihat sedang merangka pelbagai program untuk rakyat negeri ini bagi menuju visi *Penang2030*.

"Kerajaan Negeri sentiasa komited dengan program-program seumpama ini dan akan terus memberi perhatian yang sewajarnya dalam meningkatkan kesedaran golongan wanita tentang kanser payudara," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Tseow Suan yang turut berucap menyambut baik usaha yang ditonjolkan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program sebegini kerana Pulau Pinang mencatatkan kadar pesakit kanser payudara paling tinggi di Malaysia.

"Saya percaya menerusi kerjasama seperti ini, ia akan membolehkan lebih ramai wanita di negeri Pulau Pinang mendapat manfaat serta akses kepada perkhidmatan saringan ujian mamogram selain daripada (perkhidmatan) yang ditawarkan hospital kerajaan pada masa ini," ujar beliau.

*(Bersambung di muka 3).*

# 1 Syawal di Seri Mutiara

**1 SYAWAL...** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan isteri, Puan Tan Lean Kee mengadakan kunjungan hormat kepada Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas di kediaman rasmi Seri Mutiara pada pagi 1 Syawal lalu.

Masing-masing berbusana batik dan fesyen tradisional, hampir sejam meraikan Aidilfitri bersama-sama Abdul Rahman dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Turut mengiringi kunjungan tersebut, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isterinya, Datin Seri Hamidah Mat Daud.

Abdul Rahman, Kon Yeow dan Farizan dilihat saling berbual sambil menikmati hidangan Aidilfitri.

Pada majlis sama, Majimor turut menyampaikan hadiah kenang-kenangan kepada Lean Kee dan Hamidah.



DR. Abdul Rahman Abbas dan isteri merakam gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri serta isteri dan Farizan Darus serta isteri pada 1 Syawal di Seri Mutiara.

# Rumah Kebajikan Kanak-kanak Taman Bakti terima lawatan dan sumbangan khas

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BERTAM** - Menjelang Syawal lalu, isteri kepada Yang di-Pertua Negeri (TYT), Toh Puan Majimor Shariff meluangkan masa melawat serta memberi sumbangan kepada Rumah Kebajikan Kanak-kanak Taman Bakti (RKKTB) di Kepala Batas.

Beliau, diiringi isteri Ketua Menteri, Puan Tan Lean Kee yang juga Pengerusi Pertubuhan Wanita Mutiara Pulau Pinang (PWMPP).

Bersempena lawatan berkaitan, PWMPP turut menyampaikan 'duit raya' kepada para penghuni rumah kebajikan tersebut.

Ketika berucap, Lean Kee menyatakan bahawa program amal berkaitan merupakan aktiviti rutin bagi PWMPP.

"Pertubuhan (PWMPP) berhasrat bergerak selari dengan visi Kerajaan Negeri iaitu *Penang2030* bertemakan, *A Family-focused Green and Smart State that Inspires the Nation*.

"Untuk itu, pertubuhan akan lebih menggandakan penganjuran program-program membabitkan kekeluargaan dan masyarakat penyayang," ujarnya pada sesi lawatan berkaitan di sini pada 20 Mei 2019.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq dan Pengetua RKKTB, Noor Lela Saad serta Ahli-ahli Lembaga Pelawat pertubuhan itu.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Sumbangan kepada guru dan institusi pendidikan Islam meningkat 39.32%

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan sejumlah RM2.482 juta untuk disalurkan kepada guru-guru dan semua institusi pendidikan Islam di negeri ini.

Jumlah itu meningkat sebanyak RM700,000 atau 39.32 peratus pada tahun ini berbanding RM1.78 juta (2018).

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, peningkatan jumlah bantuan tersebut membolehkan sejumlah 304 institusi pendidikan Islam yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) menerima manfaat pada tahun ini.

"Bantuan tahunan kepada institusi pendidikan Islam di negeri ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk memartabatkan umat Islam agar terus maju dan cemerlang serta tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negeri yang kian pesat.

"Ini adalah kali ke-11 Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan kewangan tahunan kepada seluruh Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan institusi pendidikan Islam di negeri ini sejak mengambil alih pentadbiran negeri pada 2008.

"Justeru, saya berharap agar sumbangan yang dihulurkan ini sedikit-sebanyak dapat membantu menambah baik pengurusan pentadbiran sekolah dan pembelajaran anak-anak kita selain meningkatkan pencapaian akademik serta kemahiran pelajar," ucapnya pada Majlis Penyampaian Bantuan Sekolah Agama Rakyat Negeri Pulau Pinang di sini 23 Mei lalu.




**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (enam dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan sebahagian penerima pada Majlis Penyampaian Bantuan Sekolah Agama Rakyat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin; Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang, YAA Dato' Mohamad Shakir Abdul Hamid; Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Pengarah JHEAIPP, Zulkifli Long serta dif-dif jemputan kehormat yang lain.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam menjelaskan bahawa sebanyak 102 Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) seluruh negeri turut menerima bantuan pada tahun ini.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menaikkan bantuan kepada guru-guru KAFA Integrasi daripada RM300 sebelum ini kepada RM500 pada 2019 melibatkan seramai 900 orang guru," jelasnya.

Difahamkan, sumbangan disalurkan kepada 11 Sekolah Menengah Agama Rakyat (RM338,000); 11 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (RM211,600) dan 12 Sekolah Rendah Agama Rakyat (RM432,500).

Turut menerima sumbangan adalah 40 Maahad Tahfiz (RM204,040); 102 Sekolah Agama Rakyat – KAFA Integrasi (RM807,550); 16 Tadika Islam (RM50,800); 10 Sekolah Pondok (RM100,000) dan 102 KAFA Tulen juga menerima sumbangan berjumlah RM337,800.

# Exco harap pesawah cakna jadual pengairan di Pinang Tunggal

**PINANG TUNGGAL –** Kerja-kerja penarafan sistem pam elektrik di Rumah Pam Pinang Tunggal dengan kos sebanyak RM3,595,000 dijangka siap sepenuhnya pada hujung tahun ini.

Mengulas lanjut, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berharap ia dapat menangani kecekapan pam-pam dengan mengepam air pada paras yang lebih rendah untuk dibekalkan ke petak-petak sawah kelak.

"Pam yang sedia ada boleh mengepam air serendah 1.9 meter (m) saja, tapi kelak pam yang akan dinaik taraf ini boleh mengepam pada paras air yang lebih rendah iaitu 1.4m untuk dibekalkan ke kawasan sawah padi.

"Projek untuk pasang pam baru ini diharapkan siap pada hujung tahun ini," ujarnya selepas melawat tapak projek Skim Pengairan Pinang Tunggal di sini 14 Mei lalu.

Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya memberitahu bahawa pihaknya berharap para pesawah cakna dengan langkah pelepasan air secara berjadual untuk memastikan aktiviti penanaman serta hasil pertanian tidak terjejas sebagaimana musim kemarau panjang yang melanda negeri ini pada beberapa tahun lepas.

"Pada 15 April 2019, kita dah mula beri bekalan dan jadual kedua pada 6 Mei (2019) serta jadual ketika mula pada 10 Mei lalu.

"Jadi, sekarang ini kita dah mula bekalkan air, kita lepaskan dari sini (Rumah Pam Pinang Tunggal), alirkan ke lokasi-lokasi (petak sawah) yang sepatutnya.

"Cuma, apabila air mula dibekalkan, petani kena bersedia mulakan proses penanaman padi.

"Kita tak boleh jamin bekalan air pada masa hadapan, tapi kita boleh kawal bekalan air yang kita ada pada hari ini.

"Sekurang-kurangnya bekalan air yang kita ada, kita boleh urus, kita boleh pam dan alirkan secara berjadual," jelasnya.

Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Noor Mazirah Teh turut menyertai lawatan kerja tersebut.

*Dari muka 1.*

# Mammo Penang, apa kata mereka?



**SITI Zahara Naina Mohamad.**

Bagi **SITI ZAHARA NAINA MOHAMAD**, 33, peniaga di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) memberitahu bahawa ibunya yang berumur 57 tahun merupakan seorang pesakit kanser payudara.

"Kami (keluarga) tidak tahu langsung mengenai apa yang berlaku terhadap ibu saya kerana beliau mendiamkan perkara ini sehingga kami melihat luka di payudaranya.

"Keadaan ibu saya setakat ini amat memuaskan tetapi masih terdapat luka-luka kecil di kawasan tersebut.

"Bagi diri saya, buat masa ini, saya masih belum membuat apa-apa pemeriksaan kesihatan terhadap diri saya.

"Namun, apabila saya capai umur 35 tahun nanti, saya memang berhasrat untuk membuat pemeriksaan kesihatan dengan lebih lanjut demi kesihatan diri," ulasnya ketika ditemui baru-baru ini.



**SARVINDER Kaur.**

Seorang peniaga kedai telekomunikasi di ICT@Komtar Digital Mall, **SARVINDER KAUR**, 48, menyatakan bahawa beliau tidak mengetahui tentang wujudnya program *Mammo Penang* berkaitan.

"Walaupun saya tidak tahu mengenai program ini, tetapi saya memang berhasrat untuk menjalani saringan ini.

"Setakat ini, tiada ahli keluarga saya pernah menghidap penyakit kanser payudara.

"Tetapi, suami saya sendiri merupakan seorang pesakit kanser darah dan masih menerima rawatan di Hospital Pulau Pinang (HPP).

"Bagi saya, program ini sangat bagus untuk wanita di luar sana kerana kanser payudara merupakan *'silent killer'* (pembunuh dalam senyap) yang paling ditakuti.

"Bukan semua wanita berani untuk melakukan pemeriksaan ini kerana mereka malu untuk tampil ke hadapan.

"Oleh itu, saya sangat berharap agar wanita di luar sana termasuk diri saya sendiri tampil bersama-sama menyokong inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang khas kepada golongan wanita," ulasnya yang berharap dirinya kekal sihat.



**RENNY Fariyanti.**

Bagi **RENNY FARIYANTI**, 45, beliau turut berkongsi pandangan mengenai *Mammo Penang*.

"Saya sebenarnya tidak tahu adanya program ini dan saya rasa ia amat berguna… wanita seharusnya rebut peluang jalani saringan percuma yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini.

"Saya yakin program ini juga akan menggalakkan golongan wanita untuk lebih peka terhadap kesihatan masing-masing kerana wanita adalah tulang belakang keluarga.

"Walaupun kadang-kadang kita (wanita) bersikap sambil lewa dan kurang berkemampuan untuk membuat pemeriksaan kesihatan… kini tiada alasan lagi," responsnya yang merupakan seorang peniaga.



**TAN Ai Ting.**

Bagi **TAN AI TING**, program *Mammo Penang* bukan program baru, sebaliknya beliau mengetahuinya sejak dahulu lagi.

Namun, disebabkan usianya yang baru mencecah 31 tahun, beliau tidak boleh mendaftarkan diri untuk menyertai saringan tersebut.

"Saya rasa program ini adalah langkah terbaik yang diusahakan Kerajaan Negeri walaupun saya masih belum boleh menikmati manfaat ia ekoran umur belum mencecah 35 tahun.

"Saya mengharapkan agar had umur tersebut boleh digubal kepada wanita yang berumur 30 tahun ke atas supaya ia dapat memberi manfaat lebih menyeluruh kepada golongan wanita.

"Saya juga mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kanser payudara dan penyakit ini memang mengancam kesihatan serta nyawa golongan wanita," jelasnya yang turut mengambil inisiatif melakukan pemeriksaan sendiri di rumah.

# Menerusi *Penang2030*, Kerajaan Negeri akan pastikan semua program dirasai rakyat teramai

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SUNGAI DUA –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sangat berpuas hati dengan keharmonian komuniti yang ditunjukkan oleh semua kaum sepanjang sambutan bulan Ramadan kali ini.

Sepanjang Ramadan ini juga, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa beliau sendiri begitu kagum dengan semangat saling membantu yang ditunjukkan semua pihak kepada golongan memerlukan tanpa mengira kaum dan kepercayaan.

"Pimpinan Kerajaan Negeri sangat berpuas hati dengan suasana harmoni yang wujud dalam kalangan masyarakat negeri ini, yang saling membantu terutamanya kepada golongan memerlukan (asnaf).

"Adalah diharapkan agar majlis sebegini dapat mengeratkan lagi silaturahim terjalin antara kita pada bulan Ramadan yang diberkati," jelasnya dalam Majlis Iftar Setalam dan Sumbangan Aidilfitri di Masjid Simpang Empat Permatang Buloh pada 1 Jun 2019 dekat sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Zulkifli Long dan Pengerusi Masjid Jamek Simpang Empat Permatang Buloh, Zambri Darus.

Kon Yeow memberitahu bahawa menerusi visi *Penang2030*, pentadbirannya akan berusaha memastikan semua program yang dianjurkan Kerajaan Negeri hari ini benar-benar dirasai oleh rakyat teramai di Pulau Pinang.



**KETUA Menteri bersama-sama Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (berbaju Melayu biru) dan Zulkifli Long (berjubah putih) merasai keistimewaan juadah nasi talam pada Majlis Iftar Setalam dan Sumbangan Aidilfitri di Masjid Simpang Empat Permatang Buloh di sini baru-baru ini.**

## Skim perumahan mampu milik, penjawat awam terus diberi keutamaan

**BATU LANCANG –** Kerajaan Negeri akan terus memberi keutamaan kepada warga penjawat awam negeri memiliki skim perumahan mampu milik, ujar Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas berhubung keputusan Kerajaan Persekutuan baru-baru ini yang ingin 'menghapuskan' skim perumahan mampu milik untuk penjawat awam.

Menurut Jagdeep, semenjak Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) pada tahun 2013, sejumlah 4,483 unit telah ditawarkan kepada pemohon di bawah kategori keutamaan.

"Senarai keutamaan ini terdiri daripada penjawat awam, orang kurang upaya (OKU), ibu atau bapa tunggal dan mereka yang telah diberikan notis pindah keluar akibat projek pembangunan.

"Daripada jumlah (4,483) tersebut, sejumlah 1,845 unit telah ditawarkan kepada penjawat awam, 1,586 unit (ibu atau bapa tunggal), 945 unit (notis perintah keluar) dan 107 unit (OKU).

"Kita (Kerajaan Negeri) akui ramai penjawat awam yang sukar untuk memiliki rumah sendiri, justeru Kerajaan Negeri akan sentiasa membela nasib mereka dan memberikan keutamaan kepada golongan-golongan berkaitan," ujarnya pada sidang media selepas Majlis Penggantian Bumbung Baharu Skim Perumahan Awam Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Ong Ah Teong dan Ahli-ahli Majlis MBPP, P.R. Kaliyappan dan Theng Jie Wey.

Terdahulu, dilaporkan bahawa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin telah mengumumkan dasar baharu untuk tidak menyisihkan rumah mampu milik untuk penjawat awam.

Difahamkan keputusan tersebut berkuat kuasa serta-merta dengan matlamat untuk mempunyai gabungan penduduk untuk menggalakkan interaksi sosial antara penjawat awam dengan orang awam.



**JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) menunjukkan keratan akhbar berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.**

## *cALLme CAB*, bakal beri saingan sihat perkhidmatan e-panggilan

**GEORGE TOWN –** Perkhidmatan e-panggilan atau *e-hailing* bagi menempah teksi melalui platform aplikasi *cALLme CAB* kini di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata, beliau percaya bahawa aplikasi berkenaan bakal memberi saingan sihat terhadap perkhidmatan e-panggilan lain di negara ini.

Menurutnya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan sentiasa membantu mempromosikan penggunaan aplikasi *cALLme CAB* bagi menarik lebih ramai pengguna menggunakan perkhidmatan teksi di negeri ini.

"Aplikasi ini pastinya akan memberi saingan, lagipun ia selamat digunakan, yang mana pengguna serta pemandu dilindungi insurans, selain kenderaan yang digunakan juga mematuhi semua syarat ditetapkan oleh undang-undang," kata beliau sejurus menyempurnakan Majlis Pelancaran Aplikasi *cALLme CAB* di Kompleks Tun Abdul Razak dekat sini baru-baru ini.



**SEBAHAGIAN pemandu teksi mendemonstrasikan aplikasi *cALLme CAB* menunjukkan sistem penggunaannya pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Kon Yeow turut memuji kolaborasi Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Pulau Pinang serta Persatuan Gabungan Pemandu Teksi dan Warga Pemandu Kereta Sewa Pulau Pinang (Gabungan) dalam menjayakan penggunaan aplikasi berkenaan sekaligus menyelesaikan segala krisis dengan menyahut peluang transformasi digital.

"Pengguna mahukan suatu sistem yang telus, mereka (pengguna) tidak suka untuk tawar-menawar apabila menempah teksi, dan kini dengan aplikasi ini, ia akan membolehkan pengguna melihat tambang sebelum menempah.

"Terpulang kepada pemandu teksi sama ada untuk meneruskan cara tradisional atau menggunakan teknologi digital ini dan maju ke hadapan," ujarnya yang turut cuba menggunakan aplikasi tersebut baru-baru ini.

Dalam pada itu, Yang di-Pertua Gabungan, Mohamad Shahimi Hadzi percaya bahawa aplikasi *cALLme CAB* akan membantu memulihkan semula industri teksi di Pulau Pinang sekaligus membantu pemandu teksi menghadapi saingan teknologi akibat perkhidmatan e-panggilan lain.

"Aplikasi ini pernah dilancarkan bagi perkhidmatan teksi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) oleh Kementerian Pengangkutan pada Disember tahun lalu, namun saya difahamkan perkhidmatan ini digantungkan sementara waktu kerana ada sedikit masalah.

"Namun, di Pulau Pinang, kita akan teruskan dan menjadikan negeri ini sebagai yang pertama melaksanakannya secara meluas bagi perkhidmatan e-panggilan teksi," katanya.

Difahamkan, pengguna boleh memilih jenis kenderaan sama ada jenis bajet sehingga kenderaan pelbagai guna (MPV), malah juga boleh menyemak kadar tambang sebelum menaiki teksi.

"Sehingga kini, seramai 500 pemandu teksi Pulau Pinang sudah berdaftar dengan aplikasi ini dan pihak Gabungan serta Angkasa mensasarkan semua 2,000 pemandu teksi yang ada di negeri ini menggunakan aplikasi *cALLme CAB* dalam masa terdekat ini.

"Lagipun, kadar tambang adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)," jelasnya.

Aplikasi *cALLme CAB* ini boleh didapati melalui *Google Play Store* atau *Apple App Store*.

# Ops Lumpur pantau langkah mitigasi Projek Lebuh Raya Berkembar Bukit Kukus

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PAYA TERUBONG –** Kerajaan Negeri bersama-sama enam agensi kerajaan menjalankan operasi bersepadu, Ops Lumpur di Projek Lebuh Raya Berkembar Bukit Kukus bagi memantau langkah-langkah mitigasi hakisan serta kelodak dilaksanakan di tapak berkaitan.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari yang mengetuai operasi bersepadu berkenaan berkata, berdasarkan pemantauan yang dijalankan, didapati banyak penambahbaikan dilaksanakan pemaju selepas insiden tanah runtuh pada Februari 2018.

"Banyak langkah mitigasi telah dilaksanakan antaranya, menutup kawasan cerun-cerun terbuka, membina *check dam* dan sebagainya.

"Tetapi penambahbaikan masih boleh dilakukan sepertimana yang telah dicadangkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, yang paling penting, pihak pemaju mestilah mengikut pelan mitigasi dan hakisan bagi mengelakkan sebarang kemalangan lagi," ujarnya kepada media sejurus operasi di tapak berkaitan di sini 29 Mei lalu.

Ops Lumpur yang bermula kira-kira jam 10.45 pagi dilaksanakan Kerajaan Negeri dengan kerjasama enam agensi kerajaan yang lain iaitu JPS, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) serta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (DOSH).

Mengulas lanjut mengenai kemajuan projek lebuh raya berkembar tersebut, Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga memberitahu bahawa pemajuan projek telah menjangkau 75 peratus dengan jangkaan siap pada pertengahan tahun hadapan.

"Ini merupakan bahagian ketiga iaitu sepanjang 3.5km (kilometer) yang dipertanggungjawab kepada MBPP.

"Apabila siap kelak, ia boleh digunakan yang mana kita (Kerajaan Negeri) akan membina satu jalan penghubung sepanjang 200m (meter) untuk menghubungkan Jalan Paya Terubong ke lebuh raya baharu ini sebelum dua bahagian lain siap," jelasnya.

Projek Lebuh Raya Berkembar Bukit Kukus dibahagikan kepada tiga bahagian sebagai langkah penjimatan. Selain MBPP, dua bahagian lain dilaksanakan oleh PLB Land Sdn. Bhd. dan Geo Valley Sdn. Bhd..

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Amphai Ee Bau (Penolong Pengarah Kanan JPS Pulau Pinang); Datuk Ir. Wan Ngah Wan Ali (Pengerusi Yuta Maju Sdn. Bhd.) dan Amir Abdullah (Jurutera Perunding GEA Sdn. Bhd.).

Dalam pada itu, Amphai menyatakan bahawa hasil daripada operasi yang dijalankan, pihaknya (JPS) telah mencadangkan beberapa penambahbaikan memandangkan kini musim hujan.

"Walaupun pihak konsultan telah melaksanakan sebaik mungkin, sekarang musim hujan, justeru kita (JPS) mencadangkan agar mana-mana kawasan cerun yang telah dibersihkan perlu segera ditanam rumput.


ZAIRIL Khir Johari (dua dari kanan) pada sesi Ops Lumpur di sini baru-baru ini.

"Manakala, bagi kawasan yang masih dijalankan kerja-kerja tanah, apabila selesai pemaju perlu tutup dahulu dan buka semula untuk sambung kerja kerana bimbang jika tidak ditutup, kawasan ini terdedah jika berlakunya hujan," ujarnya sambil menasihatkan pemaju agar sentiasa menitik beratkan hal-hal penyelenggaraan tapak.

Manakala, Wan Ngah ketika ditemui berkata bahawa selaku pemaju bertanggungjawab, pihaknya akan mengikuti semua syarat serta nasihat yang diberikan badan berwajib berkaitan.

"Kita berjanji akan turuti semua nasihat yang diberikan kerana apa yang menjadi keutamaan kami (Yuta Maju) adalah projek ini disiapkan mengikut masa yang ditetapkan," ulasnya.


SEBAHAGIAN struktur yang telah didirikan.

## e-buku garis panduan piawaian terperinci sarang burung walit dilancar, pertama di dunia

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang bukan sahaja menjadi negeri pertama di Malaysia yang memiliki garis panduan piawaian terperinci bagi industri sarang burung walit, malah juga pertama di dunia.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, penerbitan buku elektronik atau e-buku berkenaan bertujuan memperkasakan lagi kepakaran dan ilmu pengetahuan dalam industri pemprosesan, perladangan serta dagangan sarang burung walit.

"Penerbitan e-buku yang mempunyai 85 halaman ini adalah sebagai satu rujukan yang seragam untuk industri sarang burung walit di Pulau Pinang, dan yang pertama seumpamanya di dunia.

"Selain mengandungi maklumat mengenai pembaharuan tatacara terbaik untuk meningkatkan mutu produk berasaskan sarang burung walit, e-buku ini juga dilihat untuk memastikan industri ini kekal berdaya saing sama ada melalui penyelidikan dan pembangunan teknologi pemprosesan sehinggalah pengurusan produk," ujarnya pada sidang media sejurus peluncuran Garis Panduan Seragam Sarang Burung Walit Mentah untuk Dagangan (G.A.R.U.D.A) Edisi Pertama di sini 15 Mei lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Pulau Pinang, Dr. Anun Man dan Setiausaha Agung Pertubuhan Usahawan Industri Desa, John Ooh Sin Hwa.



DR. Afif Bahardin (tiga dari kiri), barisan jemputan dan wakil-wakil berkaitan menunjukkan replika cek pemberian hak cipta dan harta intelek G.A.R.U.D.A kepada JPV Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, menurut Afif, industri sarang burung walit merupakan industri yang pesat membangun dalam bidang pertanian dengan jumlah eksport negara mencecah RM1.317 bilion pada tahun 2018.

"Sebanyak 1,783.27 kilogram (kg) sarang burung walit bersih dengan nilai RM16.35 juta telah dieksport ke negara China, Hong Kong, Taiwan, Laos, Korea dan Amerika Syarikat tahun lalu yang mana 80 peratus nilai eksport adalah ke negara China.

"Di Pulau Pinang, selain menjadi satu industri yang menguntungkan kerana berupaya mengeluarkan 4,733kg sarang burung walit tahun lalu, ia juga menjadi daya tarikan pelancong ke negeri ini.

"Selaras dengan itu, komitmen Kerajaan Negeri untuk terus membangunkan sektor pertanian Pulau Pinang seperti yang didasarkan dalam visi *Penang2030* akan diteruskan khasnya melalui MMK Pertanian dan Industri Asas Tani.

"(Dan) Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan kerjasama badan-badan bukan kerajaan (NGO) atau mana-mana pertubuhan untuk saling bertukar pandangan dalam usaha memajukan sektor pertanian dan industri asas tani di negeri ini," katanya yang turut berharap agar para pengusaha, peladang serta pedagang sarang burung walit di negeri ini dapat memanfaatkan sepenuhnya inisiatif yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Dalam sidang media sama, Pertubuhan Usahawan Industri Desa turut menyempurnakan pemberian hak cipta dan harta intelek G.A.R.U.D.A kepada JPV Pulau Pinang dengan anggaran RM80,000.

Penerbitan e-buku ini boleh diperoleh secara percuma dalam format pemacu pena *(pendrive)* atau menggunakan kaedah kod QR.

Difahamkan, terdapat 290 premis perladangan sarang burung walit di Pulau Pinang dengan purata pengeluaran adalah sebanyak 1.36kg bagi setiap premis setiap bulan.

Pulau Pinang juga mempunyai pusat pemprosesan sarang burung walit mentah di kelima-lima daerah di negeri ini yang mana dilihat dapat memberikan nilai tambah terhadap industri berkaitan.

# Fokus kurangkan 10% kadar kemalangan maut jalan raya setiap tahun

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SUNGAI DUA –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan pelbagai usaha bagi mencapai sasaran untuk mengurangkan 10 peratus kadar kemalangan maut di jalan raya membabitkan negeri ini setiap tahun.

Jelasnya, pelbagai kempen keselamatan dilaksanakan melalui Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya oleh Kerajaan Negeri khususnya pada musim perayaan bagi meningkatkan kesedaran pengguna mengenai isu keselamatan jalan raya.

"Mengurangkan kadar kemalangan maut dan kecederaan parah adalah menjadi keutamaan Kerajaan Negeri buat masa ini bagi memastikan jalan raya yang digunakan setiap hari adalah selamat kepada pengguna.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri melaksanakan inisiatif dengan kerjasama semua pihak termasuk sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk memberikan kesedaran kepada pengguna jalan raya agar sentiasa berhati-hati, mematuhi undang-undang jalan raya serta menghormati hak-hak pengguna yang lain.

"Selain itu, kita juga berharap agar pihak Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) terus berusaha bagi memastikan kadar kemalangan maut di jalan raya dapat dikurangkan pada setiap tahun," katanya semasa merasmikan program Advokasi Khas Keselamatan Jalan Raya Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri dekat Stesen Minyak Shell di sini 29 Mei lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR), Dato' Azhar Arshad; Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmod; Pengarah JKJR Pulau Pinang, M. Thurkahthevi dan ketua-ketua jabatan berkaitan.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin menjelaskan bahawa peningkatan jumlah kenderaan di atas jalan raya khususnya pada musim perayaan menyebabkan berlakunya kesesakan sekaligus meningkatkan risiko berlakunya kemalangan.

"Justeru, saya berharap agar pihak PDRM dan JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan) sentiasa berganding bahu dalam melaksanakan Ops Selamat dan Ops Bersepadu yang diadakan sebanyak empat kali setahun pada musim perayaan," serunya.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kanan sekali) menyerahkan topi keledar kepada salah seorang penunggang motosikal pada Majlis Advokasi Khas Keselamatan Jalan Raya Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri di sini baru-baru ini.**

## Mesin ATM beras percuma khas kepada golongan asnaf dilancar, pertama dalam negara

**SEBERANG JAYA –** Pelancaran Mesin Teler Automatik (ATM) beras percuma pertama di Pulau Pinang untuk golongan asnaf yang disumbangkan pihak *Sunway Carnival Mall* (Sunway) wajar dicontohi lebih banyak syarikat ke arah memperbaiki sistem bantuan kepada golongan berkaitan.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, beliau amat berbesar hati untuk bekerjasama dengan pihak Sunway sebagai satu usaha untuk membantu golongan asnaf.

"Sunway merupakan syarikat korporat pertama di Malaysia yang memulakan inisiatif ini, dan sebanyak lapan buah mesin dengan lebih 6,000 kilogram (kg) beras telah disumbangkan di seluruh negara.




**DR. Afif Bahardin (kiri sekali) menyampaikan sumbangan beras kepada salah seorang penerima sebagai simbolik Majlis Pelancaran ATM Beras Percuma di sini baru-baru ini.**

"Diharap lebih banyak syarikat akan mengikuti jejak langkah mulia pihak Sunway ini, dan saya diberitahu bahawa tujuh lagi mesin dijangka siap dipasang dalam tempoh terdekat akan ditempatkan dekat beberapa lokasi di seluruh Malaysia," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada Majlis Pelancaran ATM Beras Percuma di sini.

Mesin ATM beras tersebut akan diletakkan di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Bandar Perda.

Mengulas lanjut mengenai inisiatif itu, Afif menyatakan bahawa ianya dilengkapi dengan dua fungsi utama.

"Yang pertama, ia mampu mengeluarkan bekalan beras dalam kuantiti yang dikehendaki dan kedua, mesin ini boleh menerima sumbangan tunai daripada masyarakat untuk membolehkan masjid membeli lebih banyak beras bagi kegunaan asnaf pada masa hadapan.

"Kaedah pengagihan beras akan memudahkan para penerima manfaat untuk menerima apa (jumlah) yang mereka perlukan, dan mesin ini boleh menampung sehingga 200kg beras pada satu-satu masa," ujarnya sambil memaklumkan pengeluaran beras hanya boleh dilakukan oleh pemegang kad sahaja.

## Kekalkan daya saing, penggiat industri pelancongan diseru naik taraf produk

**TANJUNG BUNGA –** Pemain industri pelancongan di negeri ini diseru agar lebih agresif dalam menaik taraf produk keluaran masing-masing demi memastikan ia terus kekal berdaya saing.

Seruan itu disuarakan Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik pada penganjuran Taklimat Tabung Khas Pelancongan 3 (STF3) Kepada Penggiat-penggiat Industri Pelancongan Negeri Pulau di sini 27 Mei lalu.

"Produk pelancongan perlu sentiasa diperbaharui dan direjuvinasi untuk terus menggamit kunjungan pelancong… mereka (pelancong) selalunya ingin sesuatu produk dan tarikan baharu, bukan nak lihat produk yang mati (sama).

"Zaman kini juga telah berubah apabila pelancong tidak hanya datang untuk melihat, sebaliknya berminat untuk merasai 'pengalaman' ketika melancong.

"Justeru, kita melalui Kementerian Kewangan dalam Bajet 2019 memberi suntikan dana sejumlah RM500 juta dalam menjayakan STF3 ini," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau.

Hadir sama, Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MoTAC) Pulau Pinang, Jonathan Freddy P. Bagang; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SME Bank, Aria Putera Ismail dan Presiden Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Pulau Pinang, Khoo Boo Lim.

Dalam perkembangan lain, Muhammad Bakhtiar turut mengumumkan peningkatan kedatangan pelancong sebanyak 2.7 peratus bagi tempoh Januari sehingga Mac tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Kita perlu bekerja lebih keras untuk pastikan angka tersebut terus meningkat.

"Justeru, diharapkan inisiatif penyediaan dana RM500 juta pinjaman untuk penggiat industri pelancongan ini dapat menambah nilai setiap produk yang ditawarkan," jelasnya sambil menyatakan bahawa bagi tahun 2019, MoTAC menyasarkan peningkatan pelancong kepada sembilan peratus iaitu kira-kira berjumlah 24.8 juta pelancong.

# PSR, Kerajaan Negeri teliti cadangan Pen Mutiara

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



**GAMBAR kenangan pada perjumpaan Ketua Menteri serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dengan Pen Mutiara yang diketuai pengerusinya, Nazri Ahmad (tujuh dari kiri) di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberi jaminan untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan Persatuan Nelayan Negeri Pulau Pinang (Pen Mutiara) berhubung pelaksanaan projek tambakan laut di selatan perairan pulau (PSR) Negeri ini.

Dalam pertemuan dengan persatuan berkenaan yang berlangsung di Komtar pada 31 Mei lalu, terdapat beberapa isu dibincangkan termasuk cadangan mentransformasikan pemodenan nelayan tradisional Pulau Pinang.

Pengerusi Pen Mutiara, Nazri Ahmad ketika membentangkan cadangan tersebut berkata, perubahan dalam sektor perikanan terutamanya nelayan tradisional perlu diperkasakan seiring dengan pembangunan serta kemajuan negeri.

"Konsep transformasi nelayan moden ini bakal menjadi projek perintis yang mana Pulau Pinang sebagai negeri pertama di Malaysia yang akan mengaplikasikan pemodenan bot bagi nelayan tradisional.

"Penggunaan bot moden lebih besar yang dilengkapi dengan pelbagai ciri-ciri terkini merupakan alternatif terbaik untuk menyelamatkan industri nelayan sekiranya projek PSR dilaksanakan kelak," jelas beliau.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Teh Lai Heng (Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Komtar); Ahli-ahli Lembaga Persatuan Pen Mutiara dan wakil syarikat Aaira Marine Consultants & Services Sdn. Bhd. (Aaira Marine).

Difahamkan, bot moden yang dicadangkan oleh syarikat Aaira Marine tersebut berharga RM198,500 seunit dengan dilengkapi ciri-ciri lebih luas dan panjang, mampu membawa sekurang-kurangnya dua hingga tiga krew, mempunyai *freezer*, dua enjin sangkut 150HP, mampu bergerak lebih laju serta jauh dan kualiti tangkapan ikan yang lebih baik.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu bahawa Kerajaan Negeri mengambil maklum akan cadangan tersebut dan menyifatkan pertemuan itu sebagai asas perbincangan dalam mendengar suara hati serta memahami dengan lebih dekat masalah nelayan.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan gunakan pendekatan profesional, kita sedia mendengar, menerima pandangan serta berunding apabila sampai masanya, dan pada masa sama kita akan meneliti cadangan ini.

"Sepertimana yang saya janjikan sebelum ini, bahawa kita tidak akan memulakan sebarang pemajuan selagi kelulusan rasmi tidak diperoleh oleh pihak berwajib.

"Saya alu-alukan cadangan pemodenan nelayan ini, kerana jika diberikan pampasan wang, ia akan habis… tapi alternatif untuk golongan nelayan dapat terus mencari nafkah jika projek PSR ini dilaksanakan adalah yang terbaik.

"Walau bagaimanapun, perbincangan lanjut akan diadakan secara rasmi kelak," ujarnya.

## Cat semula blok, penduduk syukur janji dikotai

**DATOK KERAMAT –** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyatakan bahawa penduduk tiga blok Taman Han Chiang tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan bagi kerja-kerja mengecat semula bangunan kediaman mereka.

Menurut beliau, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer berjaya mendapatkan baki RM48,000 daripada Unit Penyelarasan Pelaksanan (ICU) yang sepatutnya ditanggung oleh penduduk rumah pangsa berkenaan.

"Fasa pertama projek melibatkan kerja-kerja pengecatan Blok 25 dan 27 dengan kos RM60,000, dan Kerajaan Negeri membiayai sebanyak RM12,000 melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Pulau Pinang (TPM80PP), bagaimanapun YB Rayer berjaya mendapatkan peruntukan daripada ICU berhubung baki RM48,000 tersebut.

"Untuk itu (Fasa Dua), Rayer sedang dalam proses menuggu kelulusan ICU sebanyak RM50,000, dan beliau sendiri turut bersetuju menggunakan peruntukan beliau sebagai Ahli Parlimen untuk melunaskan baki RM6,000.

"Ini bermakna, projek fasa dua juga tidak memerlukan para penduduk mengeluarkan sebarang perbelanjaan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat selepas majlis penyerahan cek replika sumbangan TPM80PP di sini 21 Mei lalu.

Bagi fasa dua juga, Jagdeep memaklumkan bahawa kerja-kerja pengecatan Blok 42 adalah melibatkan kos sebanyak RM70,000, dan sekali lagi Kerajaan Negeri akan membiayai sebanyak RM14,000 bersamaan 20 peratus daripada kos keseluruhan.

Pada sidang media sama, Pengerusi Perbadanan Pengurusan Taman Han Chiang, Ung Lay Pheng memberitahu bahawa pihaknya bersyukur dengan janji-janji yang dikotakan oleh Kerajaan Negeri.

"Setelah 40 tahun, akhirnya Taman Han Chiang akan dicat semula, kami sebagai penduduk di sini merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri.

"Bagi fasa tiga ianya akan dilaksanakan sebaik sahaja siap kerja-kerja bagi fasa dua, dan difahamkan ianya bakal menelan belanja sebanyak RM90,000," ujarnya.




**JAGDEEP Singh Deo (tujuh dari kanan), R.S.N. Rayer (empat dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama jawatankuasa setempat sejurus majlis penyerahan cek replika sumbangan TPM80PP di sini baru-baru ini.**

## Latihan industri penting demi lahir tenaga kerja mahir seiring IR4.0



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan ke salah sebuah bengkel Kolej Vokasional Butterworth bersempena lawatannya di sini baru-baru ini.**

**TELUK AIR TAWAR –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, Kerajaan Negeri akan terus memberikan tumpuan serius terhadap pembangunan industri yang menjadi antara penyumbang utama terhadap sektor ekonomi negeri ini.

Beliau berkata, sejak tahun 70-an, industri elektrik dan elektronik (E&E) memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Pulau Pinang yang menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk negeri ini dan kawasan sekitarnya.

"Sebagai Exco Kerajaan Negeri yang memegang portfolio Pembangunan Industri, saya cuba memahami keperluan industri dari bawah sehingga ke peringkat pemain-pemain industri.

"Tambahan pula, pada masa ini semuanya sedang bergerak ke arah IR4.0 (Revolusi Industri 4.0) yang memerlukan persediaan rapi untuk memberi cabaran kepada negara-negara lain yang sama-sama bergerak ke arah ini.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri sangat menekankan aspek persediaan latihan agar tenaga kerja yang dilahirkan dapat menepati keperluan industri di negara ini," ucapnya pada majlis berbuka puasa sempena lawatan beliau ke Kolej Vokasional Butterworth di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad; Pengarah Bahagian Pendidikan & Latihan Teknik Vokasional, Kementerian Pendidikan (KPM), Zainuren Mohd. Nor; Timbalan Pengarah Pembangunan Kejuruteraan Pendidikan Teknik Vokasional Bahagian Pendidikan & Latihan, Norhana Mustafa dan Pengarah Kolej Vokasional Butterworth Ahmad Zawawi Mohd. Ali.

Terdahulu, Ahmad Zakiyuddin turut meluangkan masa melawat bengkel-bengkel di kolej berkenaan.

Dalam pada itu, Ahmad Zawawi yang turut berucap sebelum itu memberitahu bahawa bantuan Kerajaan Negeri adalah amat penting dalam merancakkan pembangunan Pendidikan dan Latihan Tenikal dan Vokasional Malaysia (TVET).

"Kita yakin selaku Exco yang terlibat dengan pembangunan industri, Dato' (Ahmad Zakiyuddin) akan membantu serta memainkan peranan penting untuk kecemerlangan kolej vokasional khususnya di Pulau Pinang," jelasnya.

# 'World #QuranHour', pupuk kerangka berfikir Al-Quran dalam kalangan umat Islam

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




**PARA peserta yang mengambil bahagian.**




**SEBAHAGIAN pihak yang menjayakan penganjuran Program World #QuranHour di sini baru-baru ini.**

**BERTAM** – Penganjuran program Sejam Dunia Bersama Al-Quran di Masjid Abdullah Fahim dekat Kepala Batas sempena sambutan Nuzul Al-Quran dapat menyemarakkan lagi penghayatan umat terhadap cara hidup sebenar yang dianjurkan oleh agama Islam.

Pegawai Khas, Ustaz Rosidi Hussain berkata demikian ketika membaca teks ucapan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dalam acara perasmian program tahunan tersebut di sini 30 Mei lalu.

"Program World #QuranHour merupakan usaha menjadikan nilai-nilai mulia daripada Al-Quran membentuk jiwa berbudi dan penyayang sehingga menjadi cara hidup seharian setiap insan.

"Kempen ini merupakan suatu inspirasi masyarakat untuk melonjak potensi diri berlandaskan sistem operasi Al-Quran dan kerangka berfikir Al-Quran," ujarnya.

Menerusi kempen tersebut, beliau berharap tiap-tiap mukallaf sekurang-kurangnya meluangkan masa berinteraksi dengan Al-Quran selama sejam dalam sehari sepanjang tahun ini.

Difahamkan, program yang diadakan bagi mengimarahkan lagi bulan Ramadan lalu turut diadakan serentak di lebih 2,000 lokasi berdaftar dalam negara dan juga di 27 negara luar.

## MP sumbang RM41,900 kepada tiga surau

**MACHANG BUBUK** - Menjelang Syawal baru-baru ini, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Steven Sim Chee Keong menyampaikan sumbangan RM41,900 kepada tiga surau terpilih dalam kawasan Parlimen (MP) diwakilinya, Bukit Mertajam.

Penyerahan sumbangan itu dilangsungkan dalam Majlis Jamuan Berbuka Puasa Bersama-sama Penjawat Awam di Dewan Serbaguna Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (SPT) di sini pada 23 Mei 2019.

"Daripada jumlah keseluruhan (RM41,900) ini, RM8,000 diberikan kepada Surau Berangan, Surau Bukit Kechil (RM18,000) dan Surau An-Nur Machang Bubuk (RM15,900).

"Saya berharap dengan sumbangan ini, sebagaimana dimohon oleh (pentadbir) surau-surau berkenaan, dapat dimanfaatkan oleh rakyat, terutama umat Islam sempena sambutan hari lebaran ini," jelasnya pada majlis penyampaian berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee; ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon; wakil Chong Eng (ADUN Padang Lalang merangkap Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam) dan Pegawai Daerah SPT, Kamarul Haizal Koderat turut sertai majlis tersebut.



**STEVEN Sim Chee Keong (empat dari kanan) diiringi Lee Khai Loon (dua dari kiri) dan Heng Lee Lee (tiga dari kanan) pada acara penyerahan cek replika sumbangan kepada tiga wakil surau terpilih sekitar Parlimen Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.**

## Pemberian bantuan penarafan, tiada pihak dipinggirkan

**DATOK KERAMAT** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo mengumumkan peruntukan berjumlah RM177,000 bagi menaik taraf beberapa masjid dan surau di sini termasuk Wisma Yatim Perempuan Islam Pulau Pinang dekat Jalan Scotland.



**JAGDEEP Singh Deo (berbaju hijau) menyampaikan sumbangan kepada sebahagian penerima bersempena Majlis Jamuan Berbuka Puasa di perkarangan Masjid Acheh Kebun Lama dekat sini baru-baru ini.**

Jagdeep yang juga Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa berkata, peruntukan disalurkan itu membuktikan bahawa tiada pihak dipinggirkan termasuk dalam pemberian bantuan penarafan.

"Bantuan disalurkan kepada semua pihak tanpa diskriminasi termasuk rumah-rumah ibadat umat Islam.

"Suka saya umumkan bahawa saya telah memperuntukkan sejumlah RM177,000 bagi menaik taraf lima masjid, surau (1) dan wisma yatim," katanya pada sidang media ketika menghadiri Majlis Jamuan Berbuka Puasa di perkarangan Masjid Acheh Kebun Lama pada 18 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa antara masjid yang menerima peruntukan tersebut adalah Masjid Acheh Kebun Lama, Masjid Wan Chik Ariffin, Masjid Rawana, Masjid Hashim Yahya dan Masjid Kampung Makam.

Selain itu, Surau Taman Free School dan Wisma Yatim Perempuan Islam Pulau Pinang masing-masing turut menerima peruntukan bagi kerja-kerja penarafan yang merangkumi pendawaian semula, naik taraf sistem pembesar suara, bumbung, ruang wuduk dan membekalkan penyaman udara.

Dalam majlis sama, Jagdeep turut berkesempatan menyampaikan sumbangan zakat kepada asnaf setempat yang turut diraikan dalam majlis berkaitan.

Difahamkan, beliau juga menyalurkan sejumlah RM25,065 bagi mengimarahkan majlis iftar di sekitar Datok Keramat sepanjang bulan Ramadan.

Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N Rayer turut memperuntukkan RM22,765 bagi tujuan sama.

# Pemenang Pertandingan Snap Cun Cun Buletin Mutiara dimuktamad

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Pemenang bagi pertandingan atas talian, 'Snap Cun Cun' anjuran Buletin Mutiara yang berlangsung pada 1 hingga 31 Mac lalu telah dimuktamadkan baru-baru ini.

Pertandingan tersebut menyaksikan **HONG YI SHUANG**, 25, dinobatkan sebagai juara sekaligus melayakkan beliau membawa pulang wang tunai bernilai RM500.

Ketika ditemui, Yi Shuang yang hadir bersama salah seorang rakan sekerjanya ternyata gembira dengan kemenangan tersebut walaupun penyertaan beliau hanya sekadar ingin mencuba nasib.

"Saya bekerja di The Top, Komtar, jadi peluang ini saya gunakan sebagai idea kreatif untuk mengambil gambar dan menyertai pertandingan ini.

"Kami (Yi Shuang dan empat rakan sekerja) tidak sangka dapat menang pertandingan ini, dan kemenangan ini adalah amat bermakna bagi kami," ujarnya ketika hadir di Pejabat Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri bagi sesi penyampaian hadiah di sini baru-baru ini.



**PENYERTAAN yang memenangi hadiah johan pertandingan Snap Cun Cun Buletin Mutiara baru-baru ini.**


**HONG Yi Shuang.**






**DUA hasil karya yang memenangi hadiah saguhati.**

## Jasa NGO bantu golongan memerlukan dihargai

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri sentiasa menghargai peranan dan jasa yang disumbangkan badan-badan bukan kerajaan (NGO) di Pulau Pinang yang amat bermurah hati tampil menghulurkan bantuan kepada golongan memerlukan di negeri ini.

Perkara itu dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Bantuan Ramadan di Dewan Bangunan Persatuan Muslim Bersatu (UMA) dekat Jalan Transfer di sini 12 Mei lalu.

Menurut Kon Yeow, usaha murni yang dilakukan oleh NGO berkaitan bukan sahaja memberi kegembiraan kepada penerima, malah juga memudahkan urusan Kerajaan Negeri dalam pengagihan bantuan.

"Sejak mengambil alih tampuk pentadbiran pada 2008, Kerajaan Negeri amat komited untuk memberikan bantuan dengan tidak diskriminasi kepada semua rakyat dengan tidak mengira agama dan kaum.

"Rekod baik yang dipegang selama 11 tahun ini akan diteruskan agar segala hasil yang diperoleh dapat dipulangkan serta dikongsi bersama-sama rakyat.

"Usaha ini selaras dengan visi *Penang2030* yang turut menitikberatkan penglibatan masyarakat yang menjadi antara penggerak utama transformasi negeri ke suatu tahap lebih maju," ujar Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota itu.

Jelas beliau, pemerkasaan rakyat melalui pelbagai program dan dasar yang direncanakan mampu membawa golongan sasar tersebut keluar daripada kepompong sedia ada sekaligus mengurangkan ketidaksamaan yang wujud.

Selain meneruskan program bantuan sedia ada, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri turut menawarkan pelbagai bidang baru untuk diterokai dalam melahirkan rakyat yang serba boleh.

"Misalnya dalam industri kecil dan sederhana (IKS) yang dilihat mampu menstabilkan ekonomi negeri ini.

"Justeru, rebutlah peluang sedia ada demi kelangsungan hidup lebih baik," serunya yang berharap rakyat dapat bersama-sama Kerajaan Negeri bergerak seiring ke arah merealisasikan visi *Penang2030*.

Turut berucap, Pengerusi Persatuan Kemajuan Wanita (Perjuanita) UMA Pulau Pinang, Patimah Kader yang berikrar akan memberikan sokongan penuh terhadap Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Kon Yeow.

Hadir sama, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Presiden Al Ehsan Islamiah Malaysia, Datuk Seri Muhammad Ridzwan Sulaiman; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Barkath Sdn. Bhd., Datuk Seri Barkath Ali; wakil Pelita Group Sdn. Bhd., Datuk Uswath Khan serta beberapa dif jemputan lain.

Difahamkan, seramai 100 penerima bantuan terdiri daripada orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan asnaf menerima sumbangan wang tunai dan hamper keperluan harian daripada Zakat Pulau Pinang (ZPP).

# Kempen MBPP lawan penjanaan plastik sekali guna dipuji

**AIR ITAM -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang memuji komitmen berterusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam usaha mengurangkan penjanaan sisa, dalam bentuk beg plastik sekali guna serta penyedut minuman plastik di negeri ini.

Menurut beliau, kempen agresif oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan seperti 'Tak Nak Beg Plastik Sekali Guna' dan 'Katakan Tak Nak Straw' bakal memudahkan lagi langkah penguatkuasaan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mulai tahun depan.

"Bagaimanapun, kita (Kerajaan Negeri dan PBT) memerlukan kerjasama daripada penjaja dan pengguna sendiri untuk menyokong program ini.

"Selagi pengguna tidak membawa plastik beg, ia sudah menjadi nilai tambah kepada semua orang," katanya dalam penganjuran kempen meminimumkan penggunaan beg plastik di Astaka Kampung Melayu dekat sini pada 27 Mei 2019.

Ahli Majlis bagi MBPP, Connie Tan Hooi Peng turut sertai acara tersebut.

Dalam program itu, lebih 200 beg plastik yang boleh dikitar semula diedar kepada para pengunjung Pasar Ramadan Kampung Melayu.



**JOSEPH Ng Soon Siang (barisan hadapan, empat dari kanan) dan barisan Ahli Majlis MBPP serta jawatankuasa setempat menunjukkan poster 'Katakan Tak Nak Straw' dan beg kitar semula yang diedarkan bersempena kempen berkaitan di sini baru-baru ini.**

# Berkayak, naik bot semarak kesedaran awam terhadap peri penting Sungai Juru

**BUKIT TENGAH -** Lebih 50 mahasiswa Universiti Sains Malaysia *(USM)*, pelajar-pelajar sekolah, *USM River Engineering & Urban Drainage Research Centre* (REDAC), serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Water Watch Penang* (WWP) dan *Nature Classroom* menjayakan penganjuran program Earth Day Sungai Juru pada 22 April lalu.

Ketika berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung menganggap aktiviti seperti menaiki bot serta berkayak di Sungai Juru sebenarnya boleh meningkatkan kesedaran serta penghayatan masing-masing terhadap peri penting Sungai Juru untuk semua habitat di sini.

"Saya berharap melalui penganjuran bersama, aktiviti sebegini dapat memberi peluang kepada orang ramai untuk lebih maklum bahawa pemandangan Sungai Juru adalah sangat cantik dan mempunyai ekologi yang kaya.

"Pada masa sama, orang ramai boleh mengetahui tentang masalah sampah dan pencemaran yang banyak menjejaskan ekosistem alam semula jadi," jelasnya bersempena sambutan Hari Bumi di sini.

Selain itu, Hsiao-Leung turut berharap aktiviti seumpama itu dapat diteruskan pada masa akan datang di Sungai Juru.

"Kami sedang dalam kerjasama dengan agensi yang berkaitan bagi mempelajari kaedah untuk membersihkan sungai serta memulihkannya, tadbir urus Sungai Juru mesti *'cross-cutting'*, kerjasama merentasi sektor termasuk pelbagai jabatan kerajaan, industri serta kilang-kilang lain," katanya.

Tambah Hsiao-Leung, Earth Day Sungai Juru merupakan aktiviti pertama selepas penubuhan Jawatankuasa Eko-Pelancongan Bukit Tengah pada 7 Mac 2019.

"Objektif penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk mengajak orang ramai memahami keadaan sungai," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada wakil *Auto City*, ThinkCity (Think City Sdn. Bhd.), agensi-agensi kerajaan serta ahli jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat yang turut menyertai program Earth Day Sungai Juru berkenaan.

Difahamkan, dalam program tersebut, wakil *Nature Classroom* menyampaikan taklimat khusus kepada mahasiswa dan pelajar mengenai keperluan sungai untuk kehidupan manusia, sementara WWP pula membuat pameran serta mengajar teknik asas untuk menguji tahap kualiti air.



**GOOI Hsiao-Leung (berkemeja putih) bergambar kenang-kenangan dengan sekumpulan kanak-kanak bersempena penganjuran program Earth Day Sungai Juru di sini baru-baru ini.**

## Projek Pencahayaan Dataran Pemuda Merdeka siap

**BAGAN DALAM -** Bagi penduduk Seberang Perai khususnya sekitar kawasan Parlimen Bagan, perayaan Aidilfitri pada tahun ini mungkin sedikit berbeza dan bertambah meriah dek projek pencahayaan dengan lampu limpah dan neon berwarna-warni di Dataran Pemuda Merdeka berhadapan Kompleks Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi.

Ketika berucap, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan merakamkan penghargaan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) atas inisiatif tersebut.

Katanya, inisiatif MPSP itu menambah lagi kemeriahan di Dataran Pemuda Merdeka yang sebelum ini terkenal sebagai salah satu kawasan rekreasi malam pilihan muda-mudi dan keluarga.

"Kemudahan awam seperti taman rekreasi, dewan awam, pasar dan trek basikal perlu diperbaiki.

"(Langkah-langkah menaik taraf kemudahan awam) ini adalah cabaran bagi sebuah majlis perbandaran yang bakal dinaik taraf kepada status 'majlis bandaraya'.

"Turut tidak dilupakan, kita (pihak berkuasa tempatan, PBT) harus juga menjaga kebersihan dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang bersih, hijau, selamat dan sihat," ucapnya pada majlis berkaitan di sini 1 Jun 2019.

Sebelum itu, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Ir. Rozali Mohamud menyatakan bahawa kos projek pencahayaan Dataran Pemuda Merdeka itu menelan belanja RM330,000.




**BARISAN Ahli Majlis MPSP bergambar kenangan berlatarbelakangkan pencahayaan lampu limpah dan neon berwarna-warni Dataran Pemuda Merdeka di sini baru-baru ini.**

"YB Lim (Guan Eng) yang juga Ahli Parlimen Bagan telah menyumbang RM270,000 (peruntukan sendiri), sementara baki RM60,000 lagi disumbangkan oleh MPSP.

"Kerja-kerja pembinaan projek pemasangan lampu ini siap dalam tempoh 39 hari, iaitu dari 23 April hingga 31 Mei lalu.

"Kini, kita dapat lihat projek pencahayaan di seluruh taman ini siap, yang akan memberi manfaat kepada semua (pengunjung).

"Saya percaya dengan projek pemasangan lampu hiasan ini akan menambahkan lagi keindahan kawasan di sekitarnya," jelasnya.

Selain projek pencahayaan, kemudahan awam lain seperti bangku, papan tanda 'Bagan' dan 18 unit hiasan konkrit turut disediakan demi meningkatkan lagi nilai tarikan pengunjung ke bandar Butterworth.

## Sumbangan hasil rambut palsu demi pesakit kanser

**BUKIT MERTAJAM –** Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong menyerahkan sumbangan berjumlah RM10,000 kepada pertubuhan *Junior Chamber International* (JCI) Perai bagi membantu meringankan beban pesakit kanser tahap akhir.

Chee Keong berkata, sumbangan tersebut adalah sebagai kos untuk menghasilkan 10 unit rambut palsu yang diusahakan oleh JCI Perai sejak beberapa tahun lalu.



**STEVEN Sim Chee Keong (kiri sekali) menyantuni salah seorang pesakit yang menerima sumbangan rambut palsu bersempena majlis penyampaian cek sumbangan di sini baru-baru ini.**

"Tahniah diucapkan kepada JCI Perai kerana berjaya menunaikan janji untuk menyiapkan rambut palsu kepada 10 pesakit kanser.

"Justeru, saya bersetuju menghulurkan sumbangan ini kerana difahamkan setiap rambut palsu yang dihasilkan memerlukan kos RM800 hingga RM1,000, dan ini menjadi kos tambahan kepada pesakit selain (kos) perubatan.

"Sumbangan ini bukan hanya membantu meringankan beban pesakit, malah juga mampu mengembalikan keyakinan pesakit yang mengalami keguguran rambut akibat penyakit kanser," katanya pada majlis penyampaian cek sumbangan di sini 10 Mei lalu.

Hadir sama, Pengasas JCI Perai, Gery Chew dan Presiden JCI Perai, Cledment Loke.

Gary Chew dalam ucapannya sebelum itu memberitahu bahawa pihaknya mengusahakan projek rambut palsu tersebut di bawah program *'Give Hair Give Hope'* yang diusahakan sejak beberapa tahun lalu.

"Melalui projek ini, kami kumpul sumbangan dana daripada orang awam dan menghasilkan rambut palsu untuk pesakit kanser tahap akhir.

"Oleh itu, saya menyeru kepada orang ramai untuk sama-sama mempromosikan projek yang sangat bermakna ini," ujarnya.

# Baik pulih Rumah Pam Bagan Buaya diharap mampu atasi banjir kilat



H'NG Mooi Lye (dua dari kanan) menunjukkan Rumah Pam Kubang Buaya bersempena lawatan beliau di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **SUNARTI YUSOFF**

**JAWI –** Rumah Pam Bagan Buaya yang gagal berfungsi sejak beberapa tahun lalu kini telah kembali beroperasi sepenuhnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, H'ng Mooi Lye menyatakan bahawa kerja-kerja membaik pulih rumah pam berkenaan telah dimulakan sejak akhir tahun lepas, dan siap sepenuhnya pada Januari 2019 dengan kos berjumlah RM150,000 yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

"Kegagalan pam ini beroperasi menyebabkan kira-kira 1,500 rumah di Taman Jawi dan Taman Cenderawasih serta kawasan sekitar mudah dinaiki air sekiranya berlaku hujan lebat.

"Justeru, kita minta pihak JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) membaik pulih rumah pam ini dan menaik taraf kawasan sekitarnya bagi mengatasi masalah banjir kilat di sini," katanya pada sidang media sejurus mengadakan lawatan ke rumah pam berkaitan pada 14 Mei lalu.

Turut hadir, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Heng Yeh Shiuan; pegawai dari Pusat Khidmat ADUN Jawi, Low Shi Wei serta beberapa wakil dari JPS Negeri Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Mooi Lye memberitahu bahawa Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan berjumlah RM200,000 bagi menaik taraf rumah pam berkenaan daripada menggunakan diesel kepada penggunaan tenaga elektrik.

"Sekarang rumah pam ini beroperasi menggunakan diesel, lanjutan itu mesin pam hanya mampu mengepam air dalam tempoh sejam sahaja, malah selain itu, ia juga perlu diselenggara setiap kali berlakunya hujan lebat.

"Apabila menggunakan tenaga elektrik, rumah pam akan berfungsi secara automatik dan ini akan memudahkan kerja-kerja pihak JPS," ujarnya.

Dalam pada itu, Mooi Lye juga menyeru kepada masyarakat setempat supaya tidak membuang sampah di merata-rata tempat yang lazimnya menjadi punca kepada kejadian banjir kilat.

Difahamkan, kerja-kerja menaik taraf adalah melibatkan pelebaran tapak takungan air daripada 5 meter (m) kepada 15m serta penambahan satu lagi saluran air yang membolehkan rumah pam berkenaan mengepam sebanyak 4,000 liter air per saat pada masa kini.



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




www.georgetownfestival.com George Town Festival

13hb - 28hb Julai 2019
***George Town Festival 2019***

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# EPY 2020, langkah agresif promosi pelancongan negeri




**(Dari kiri) KETUA Menteri bersama-sama Yeoh Soon Hin, Ramkarpal Singh, Goh Choon Aik, Ong Ah Teong serta barisan tetamu kehormat lain pada Majlis Pelancaran EPY 2020 di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PANTAI JERERAK -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap pelancaran *Experience Penang Year* (EPY) 2020 bakal menggandakan lagi jumlah pelancong asing dan pengunjung tempatan ke negeri ini.

Baginya inisiatif Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian (PETACH), Yeoh Soon Hin mewujudkan EPY 2020 adalah suatu langkah agresif bagi mempromosikan lagi sektor pelancongan negeri.

"Sektor perkhidmatan kita telah mengatasi sektor perkilangan di Pulau Pinang.

"Demi meningkatkan lagi industri pelancongan, kita (Kerajaan Negeri) memuatkan (elemen) warisan, budaya dan kesenian sebagai produk pelancongan kita (di Pulau Pinang).

"EPY 2020 juga adalah selari dengan wawasan Pulau Pinang, yang bertujuan untuk menghasilkan pelbagai lagi produk pelancongan berkualiti dengan matlamat untuk meningkatkan pendapatan (sektor) isi rumah (domestik)," jelasnya ketika melancarkan EPY 2020 di sini pada 2 Jun 2019.

Sebelum itu, Soon Hin dalam ucapannya memberitahu bahawa sektor pelancongan negeri dijangka akan memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Usaha ini adalah selaras dengan hasrat kami (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) untuk meneroka peluang baru," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Soon Hin menyatakan bahawa EPY 2020 akan dimulakan dengan pertandingan ratu cantik peringkat kebangsaan pada Oktober ini, disusuli pertandingan ratu cantik peringkat dunia pada tahun depan.

"Ini, pasti meningkatkan imej Pulau Pinang di arena antarabangsa melalui penyertaan negara asing dan media," ujarnya.

ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh turut sertai majlis pelancaran berkaitan.






# Hari Wakaf pupuk kesedaran masyarakat Islam tentang kepentingan berwakaf

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MAINPP**

**BERTAM –** Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas menyempurnakan pengagihan hasil pendapatan wakaf kepada 63 pihak terpilih yang terdiri daripada masjid, surau, institusi pendidikan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Menurut Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim, agihan disempurnakan kepada penerima terpilih berdasarkan amanah pewakaf yang termaktub.

"Pada tahun 2018, keseluruhan pendapatan hasil wakaf yang dijana oleh MAINPP adalah sebanyak RM3.3 juta.

"(Dan) agihan dibuat kepada 20 masjid, surau (6), institusi pendidikan (30) dan NGO (7) membabitkan nilai sumbangan sebanyak RM955,940," katanya pada Sambutan Hari Wakaf Pulau Pinang 2019 di Masjid Abdullah Fahim sebelum menyertai majlis berbuka puasa dan solat Maghrib berjemaah dekat sini 17 Mei lalu.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Mufti Kerajaan Negeri, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor dan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAINPP), Zulkifli Long antara kenamaan yang turut serta dalam sambutan berkaitan.

Mengulas lanjut, Abdul Malik memaklumkan bahawa objektif utama penganjuran Hari Wakaf adalah bagi memupuk kesedaran dalam masyarakat Islam di Pulau Pinang tentang kepentingan berwakaf selain mempromosikan dana wakaf melalui pameran serta pembukaan kaunter pada hari tersebut.

"Sambutan Hari Wakaf ini memberi pendedahan kepada masyarakat Islam mengenai peranan institusi seperti MAINPP sebagai pelaksana amanah pewakaf.

"(Dan) ramai yang tidak tahu bahawa amalan berwakaf boleh dilaksanakan oleh setiap umat Islam walaupun bagi golongan berpendapatan rendah," tambahnya.

Bersempena Hari Wakaf Pulau Pinang, turut diluncurkan adalah Tabung Wakaf Sumbangan Masjid dan Aplikasi Mudah Alih 'Snap N Pay' Dana Wakaf Pulau Pinang.

Difahamkan tujuan Tabung Wakaf Sumbangan Masjid adalah untuk mengumpul dana wakaf melalui kutipan tabung di masjid-masjid seluruh Pulau Pinang pada hari Jumaat bagi membiayai projek pembelian hartanah demi kepentingan Islam di negeri ini.

Manakala, aplikasi *'Snap N Pay'* pula adalah bagi memudah cara para penyumbang untuk berwakaf menggunakan alat komunikasi mudah alih pada bila-bila masa di mana sahaja.



**DR. Abdul Rahman Abbas (kiri sekali) menyempurnakan agihan pendapatan hasil wakaf kepada salah seorang penerima bersempena sambutan Hari Wakaf Pulau Pinang 2019 di sini baru-baru ini.**

## PBAPP tunggu kelulusan TSM sebelum rumus cadangan semakan tarif air

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) masih menunggu kelulusan Kerajaan Persekutuan bagi Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) yang dicadangkan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) sebelum merangka semula kadar tarif air di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Berhad, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa menyatakan bahawa melalui formula TSM, tarif air akan ditetapkan merangkumi perbelanjaan operasi *(opex)* untuk aktiviti harian dan perbelanjaan modal utama *(capex)*.

"Kebanyakan kerajaan negeri meluluskan semakan tarif berdasarkan kepada kenaikan *opex* operator bekalan air semata-sama yang merangkumi kos tenaga, bahan api dan kimia serta kos emolumen dan penyelenggaraan.

"Walau bagaimanapun, sekiranya tiada peruntukan untuk *capex*, tiada pembiayaan untuk projek baru bagi menangani isu bekalan air atau permintaan air pada masa hadapan.

"(Dan) sekiranya projek sedemikian ditunda atau ditangguhkan… bencana bekalan air akan berlaku," katanya pada sidang media sejurus mesyuarat agung tahunan pihak berkuasa air itu di sini pada 30 Mei lalu.

Menurut Jaseni, pada asasnya TSM adalah suatu formula yang merangkumi garis panduan untuk pengiraan tarif air yang rasional dan berpandangan ke hadapan, namun masih belum mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan.

"Kami (PBAPP) sedang menunggu kelulusan untuk TSM sebelum merumuskan cadangan semakan tarif air yang menggabungkan peruntukan *capex* bagi membiayai projek pembangunan bekalan air pada masa hadapan.

"Sekiranya TSM ini diluluskan, cadangan PBAPP bagi mengkaji semula tarif air akan turut tertakluk kepada penelitian dan kelulusan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Kerajaan Persekutuan," jelasnya sambil menegaskan bahawa Pulau Pinang akan tetap mengguna pakai dasar tiada catuan air dalam apa jua cara pada masa akan datang.

## PBA terus cemerlang beri perkhidmatan kepada rakyat

**GEORGE TOWN –** Bilangan pengguna air berdaftar di negeri ini meningkat sebanyak 1.91 peratus, daripada 604,547 pengguna pada 2017 kepada 616,082 pengguna (2018).

Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Berhad (PBAHB), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, pertambahan 11,535 pengguna pada tahun lalu mencerminkan kemajuan sosio ekonomi yang berterusan di negeri ini.

"Secara umum, dua faktor utama peningkatan tersebut adalah pertumbuhan penduduk dan peningkatan aktiviti sosio ekonomi.

"Dari segi penggunaan air yang dibilkan, pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mencatatkan purata kenaikan sebanyak 1.64 peratus iaitu daripada 826.3 juta liter sehari (MLD) pada 2017 kepada 840 MLD (2018).

"Tambahan 1.64 peratus ini mungkin kedengaran tidak banyak tetapi dalam istilah sebenar perbezaan adalah 13.7 MLD, dan berdasarkan penggunaan domestik purata per kapita tahun lalu adalah sebanyak 278 liter per kapita sehari (l/k/h), ia mampu memenuhi permintaan 49,280 pengguna," ujarnya pada sidang media sejurus Mesyuarat Agung Tahunan PBAPP Yang Ke-19 di sini 30 Mei lalu.



**KETUA Menteri dan Ir. Jaseni Maidinsa meneliti laporan pencapaian PBAHB dan PBAPP dalam Buku Laporan Tahunan 2018 sejurus sidang media Mesyuarat Agung Tahunan PBAPP Yang Ke-19 di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Jaseni memaklumkan bahawa selaku pengendali air berlesan yang memberi perkhidmatan kepada rakyat negeri ini, liputan bekalan air di kawasan bandar mencecah 100 peratus manakala luar bandar (99.8 peratus).

"Perkhidmatan bekalan air berterusan dan tanpa catuan air ini adalah hasil kawalan kualiti dilakukan Jabatan Kesihatan (Negeri Pulau Pinang), dan PBAPP yang mengambil 3,182 sampel air terawat untuk analisis fizikal dan mikrobiologi.

"Hasil ujian sampel di Pulau Pinang melebihi parameter Program Jaminan Kualiti (QAP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, dan ia sesuatu yang membanggakan.

"Malah PBAPP juga telah menerima dua anugerah di peringkat kebangsaan daripada Persatuan Air Malaysia (MWA) tahun lalu iaitu Anugerah Pencapaian Industri Air MWA 2018 bagi Loji Rawatan Air (LRA) Terbaik di LRA Sungai Dua dan Anugerah Air Malaysia untuk Pengurusan 2018," katanya yang turut mengumumkan lain-lain pencapaian yang berjaya dikecapi pihak berkuasa air itu tahun lalu.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada sidang media sama turut mengumumkan keuntungan sebelum cukai PBAHB sebanyak RM36.137 juta bagi tahun 2018 berbanding RM40.936 juta tahun sebelumnya (2017).

"Walaupun pendapatan syarikat meningkat sebanyak 7.17 peratus tahun ke tahun, kos jualan meningkat 5.74 peratus dan perbelanjaan pentadbiran naik 17.34 peratus, PBAPP masih mengekalkan tarif domestik terendah di Malaysia.

"Pada tahun 2018, PBAPP menanggung RM71.74 juta subsidi tarif domestik dan tanpa subsidi ini, keuntungan PBAHB meningkat dengan ketara.

"Oleh itu, PBAHB telah meluluskan dividen akhir peringkat tunggal sebanyak 1.75 sen sesaham bagi tahun kewangan 2018 yang menyaksikan pembayaran sebanyak RM5.79 juta kepada 8,328 pemegang saham.

"PBAHB disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia sejak 2002 dan telah memberi dividen berterusan kepada pemegang sahamnya untuk 18 tahun berturut-turut," umumnya yang juga Pengerusi Bukan Eksekutif PBAPP.

# Keterangkuman Gender, suatu hasrat yang dapat dicapai

Oleh : **CHAN XIN YING & HASANAH AKHIR**

**BARU-BARU** ini saya telah menyaksikan filem animasi Disney 2016 bertajuk Zootopia bersama-sama keluarga saya. Filem animasi terbaik tahun itu yang memenangi Oscar, adalah cerita tentang Zootopia - sebuah dunia haiwan dalam mana mangsa dan pemangsa pelbagai spesies hidup bersebelahan di alam sebuah bandar. Filem ini membawa mesej-mesej penting tentang keterangkuman dan tiada diskriminasi, dengan mesej utama 'Siapapun dapat mencapai hasratnya'. Filem ini menekankan pentingnya kesaksamaan dan keterangkuman, di mana semua haiwan, dari tikus kecil hingga singa raksasa, dapat mengejar impian mereka untuk memainkan peranan dalam masyarakat termasuk bidangundang-undang dan penguatkuasaan, di dalam kota itu.

Dalam satu adegan dalam, Zootopia terpaparlah satu jus gerai yang direka untuk mamalia yang berbeza ketinggian dan ia mengingatkan kita bahawa kemudahan yang berbeza direka untuk kumpulan yang berbeza mengikut keadaan fizikal dan psikologi yang berbeza. Ini adalah analogi yang terbaik menunjukkan 'orang (haiwan) yang berbeza , mempunyai keperluan yang berbeza'.

Sesungguhnya, Zootopia berlaku di dunia bayangan sahaja. Namun ia mencerminkan satu utopia yang diidami oleh semua orang - sebuah masyarakat yang bersifat inklusif dan tiada diskriminasi. Pulau Pinang adalah sebuah bandar moden kosmopolitan yang terdiri daripada pelbagai penduduk yang mengamalkan budaya berbeza. Adalah penting untuk Pulau Pinang berubah menjadi masyarakat yang diterima secara sejagat di mana hak dan keperluan semua orang dihormati. Kerajaan negeri telah mengambil inisiatif untuk mengguna pakai, Dasar Keterangkuman Gender sebagai satu komitmen untuk membina masyarakat inklusif sambil mempromosikan kesaksamaan jantina yang substantif.

### Apakah Keterangkuman Gender dan Mengapa dasar ini?

Istilah Keterangkuman Gender diilhamkan melalui *United Nations Sustainable Development Goals 2030*. Ia merujuk kepada persekitaran yang mana pelbagai keperluan dan hak semua orang diterima, dihormati dan difahami. Konsep keterangkuman merangkumi semua bidang kehidupan, termasuk di rumah, pertumbuhan negara dan pembangunan negara, tempat kerja, perkhidmatan awam, ruang awam dan institusi pendidikan. Dalam erti kata lain, semua orang akan mempunyai peluang dan hak yang sama untuk mengakses ruang dan sumber awam, serta memastikan hak-hak keperibadian di rumah dan tempat kerja dihormati.

Satu adegan dari Zootopia telah memaparkan kereta api yang direka dengan tiga pintu berukuran berbeza untuk rusa; memerang laut dan tikus, dengan tidak mengandaikan bahawa setiap mamalia boleh menggunakan pintu bersaiz sederhana. Ini adalah sangat penting kerana berdasarkan laporan 2013 daripada Asian Development Bank dan Asia Pacific CoP-MfDR *(Community of Practice on Management of Development Results)* didapati, lebih banyak daripada 90% kemudahan di ruang awam di seluruh dunia telah menganggap keperluan secara am orang ramai dan ini mengakibatkan pengabaian orang yang berlainan keperluan.

Walau bagaimanapun, initiatif untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan untuk orang yang berbeza keperluan di Pulau Pinang sedang bertambah baik. Lintasan pejalan kaki lebih mesra pengguna jejantas terutama kepada orang kurang upaya dan warga emas. Di tempat-tempat yang ada jejantas, dibina untuk menampung keperluan segmen-segmen masyarakat tersebut.

Kerajaan negeri mengamalkan proses responsif gender melalui *Gender Responsive and Participatory Budgeting* dengan untuk melibatkan komuniti apabila membuat keputusan tentang perbelanjaan wang. Pendekatan ini termasuk kumpulan tumpu bincang dan tinjauan, dan menyediakan peluang bagi masyarakat untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan tentang isu-isu setempat.

Keterangkuman Gender bermula dengan saya dan anda, diikuti rangsangan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti sivik, sosial dan ekonomi. Toleransi dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya sangat diperlukan terutama di dalam masyarakat yang pelbagai kaum dan budaya seperti kita. Dengan kepelbagaian pendapat dan pandangan, masyarakat akan dapat penyelesaian dan idea yang inklusif. Secara ringkasnya, Keterangkuman Gender berusaha untuk tidak mengabaikan sesiapapun, dan seperti kata dari Zootopia, "Kita bersama-sama boleh menyelesaikan masalah ini".

## Realisasi DKG menuju *Penang2030*

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah mengadakan Bengkel Penentuan Pelan Tindakan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) Negeri Pulau Pinang bagi merancang satu pelan tindakan dasar yang komprehensif dan bersifat partisipatori.

Bengkel selama dua hari bertempat di Flamingo Hotel by the Beach Penang telah dijalankan untuk dua kumpulan iaitu pada 13-14 Mei 2019 dan 16-17 Mei 2019 dengan melibatkan wakil-wakil dari jabatan dan agensi kerajaan negeri.

Bengkel ini diadakan bagi meningkatkan kefahaman ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri tentang metodologi *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) dan meningkatkan kesedaran mengenai Gender Balanced Management (GBM) yang mana kedua-dua GRPB dan GBM menjadi tunjang pelaksanaan utama DKG.

Matlamat utama mengadakan bengkel ini adalah untuk merangka pelan tindakan bagi jabatan atau agensi masing-masing dalam mendokong DKG yang telah dilancarkan secara rasmi oleh YAB Ketua Menteri pada 7 Mac 2019.

Selaras dengan konsep partisipasi atau penyertaan yang menjadi pendekatan utama GRPB, bengkel selama dua hari ini dijalankan secara partisipasi dengan mempersiap siaga wakil-wakil jabatan dan agensi dengan input sebelum mereka merangka dan menentukan sendiri pelan tindakan DKG yang akan dilaksanakan oleh jabatan atau agensi masing-masing.

Kedua-dua sesi bengkel tersebut mencatatkan penyertaan memberangsangkan dengan lebih 80 peratus kehadiran wakil-wakil jabatan dan agensi. Para peserta bukan sahaja partisipatif dalam sesi perbincangan, malah menunjukkan minat dan komitmen yang tinggi dalam mendokong dan merealisasikan DKG yang menjadi aspirasi Kerajaan Negeri menuju Visi Penang2030.




**GAMBAR berkumpulan yang dirakam.**

Bengkel partisipatori ini menjadi manifestasi kepada ketelusan dan keterbukaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengambikira suara dan pendapat dari peringkat bawah ke peringkat atas atau *bottom-up* dalam perencanaan pelan tindakan dasar kerajaan.

Malah, keterlibatan secara langsung ketua-ketua dan pegawai-pegawai jabatan dalam merangka pelan tindakan DKG turut menyemai rasa milik punya penjawat awam yang menjadi nadi dan jentera pelaksana utama bagi dasar kerajaan negeri.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11761
Peminjam : STEPHANIE JUANNE A/P SELVANATHAN - 87031507**** 31 JALAN PANGLIMA AWANG 35/116, TTDI ALAM IMPIAN, SEKSYEN 35, 40470 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : GEORGE WILLIAM A/L ANTHONY SAMY - 63120608**** 792-P MUKIM 13, LORONG SUNGAI DUA, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LILITRACE A/P BALASUNDRAM - 67031107**** 304-03-02 TAMAN JADE VIEW, JALAN BUKIT GAMBIR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11762
Peminjam : VILLASHENE A/P SUNDRAM - 88122207**** NO.11 LENGKOK ARIFF , OFF CHEESMAN ROAD 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : DEVAN RAJ A/L R NAMASIVAYAM - 59112207**** NO.11 LENGKOK ARIFF , OFF CHEESMAN ROAD 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NAGAMUTHU A/L MUNUSAMY - 66112107**** NO. 523 LORONG SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 11764
Peminjam : GANESWAREN JSU A/L JAGANATHAN - 93051307**** NO.15 HILIR NIBONG DUA, BANDAR BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 1 : PUVANESWARAN JSU A/L JAGANATHAN - 84090502**** NO.15 HILIR NIBONG 2, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : PRABAKKARAN JSU A/L JAGANATHAN - 85092307**** NO.15 HILIR NIBONG 2, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 11765
Peminjam : MUHAMMAD AFIQ FARHAN BIN AZIZ - 92011707**** 10 LORONG BERTAM INDAH 4/5, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : AZIZ BIN AHMAD - 60091909**** NO.10 LORONG BERTAM INDAH 4/5, TAMAN BERTAM INDAH, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : AZIZAH BINTI OSMAN - 65033004**** NO.10 LORONG BERTAM INDAH 4/5, TAMAN BERTAM INDAH, 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11768
Peminjam : YUGERAJ A/L KARUMALAI - 93070207**** 7-2-10 LINTANG PANTAI JERJAK, TAMAN BATU UBAN 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MAHENDRA KUMAR A/L A POKKARU - 58082171**** C-4-2 KIP JALAN MOUNT ERSKINE 10470 TANJONG TOKONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MANGALA NATHAN A/L KALIAMEE - 71112807**** BLOK F-2-7 LORONG HELANG 3, SUNGAI DUA, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11769
Peminjam : ANBARASAN A/L KUPPAN - 91022107**** 232 MUKIM 12 JALAN BARU, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LOGESWARI A/P KUPPAN - 86072935**** NO.232 JALAN BARU, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MINAH A/P RAMCHAMDRAN - 64030407**** 2-4-9 LEBUH NIPAH 3, SUNGAI NIBONG BESAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11770
Peminjam : KALAIWANI A/P BALAN - 91081507**** NO.3 LORONG SENANGIN 15, PERUMAHAN PERAI 13600 PERAI
Penjamin 1 : MANOJ KUMAR A/L GOVINDARAJ - 73082707**** NO.126-C JALAN TANJUNG, TAMAN BUNGA RAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : GOWIRI DEVI A/P GOVINDARAJ - 69051107**** NO.126-C JALAN TANJUNG, TAMAN BUNGA RAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 11772
Peminjam : SARALAH DEVI A/P JEYAVARATHAN - 86011807**** BAH. PEMBIAYAAN & KAWALAN KREDIT, SKM WILAYAH PERSEKUTUAN, TINGKAT 1, MENARA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA 50490 BUKIT DAMANSARA, KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : NAVINDREN A/L SINGARAM - RF/147*** BEREK BUJANG, BATALION 7, PASUKAN GERAKAN AM 25990 KUANTAN, PAHANG
Penjamin 2 : NAGENDREAN A/L SINGARAM - 79031207**** NO.10 LORONG JAYA 2, TAMAN IMPIAN, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11773
Peminjam : RASAATHEII A/P PERUNJOTHI - 89042007**** 1-1-19 PERSIARAN BAYAN INDAH 3, DESA PUTRA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : GANESAN A/L SUPRAMANIAM - 69042007**** NO.523 LORONG SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : KATHIRESAN A/L THEVARAJAN - 86102235**** 1-01-19 DESA PUTRA, PERSIARAN BAYAN INDAH 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11774
Peminjam : SHALINI A/P JAYABALAN - 93011407**** NO. 177 LORONG KANGKONG 4/2B, TAMAN KANGKONG, LUNAS 09600 KEDAH
Penjamin 1 : SANJIVI A/L JAYABALAN - 86082535**** NO.15B KAMPUNG PAYA BESAR 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2 : VIJAYAN A/L KHRISHNAN - 84011507**** NO.3 JALAN BAKAWALI 4, TAMAN BAKAWALI 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 11775
Peminjam : MURUGIYAH A/L P.RATNAM - 69070407**** 4-09 BLOCK A LORONG BUNGA RAMPAI 5, TAMAN PANDAN, JALAN ONG YI HOW 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : VANAJA A/P B JEYAVELOO - 62031207**** NO. 502B JI, JALAN TENGGIRI, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : DENESH A/L MACALINGHAM - 86092935**** NO. 39 JALAN BERLIAN 1, PPC QUARTERS, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 11780
Peminjam : RUBEN FRANCIS A/L FRANCIS DASS - 93052007**** 97 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : RAVI A/L RETNAM - (MENINGGAL DUNIA) NO.1355 JALAN BUKIT PANCHUR 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : PATRICIA SHAMANI A/P SOOSAINATHAN - 84110107**** NO.14 GERBANG KURAU, CHAI LENG PARK 13700 PERAI

No Akaun : 11781
Peminjam : GOPALANATHAN A/L SEGARAN - 86050235**** 16 LINTANG BUKIT KECIL, TAMAN BUKIT KECIL 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SHARMILLA A/P SEGARAN - 84060807**** NO.16 LINTANG BUKIT KECIL, TAMAN BUKIT KECIL 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ASHOK A/L ATHIMULAN - 81101007**** NO.11A LORONG INANG SATU, TAMAN BUNGA RAYA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11785
Peminjam : JENNIFER JANE A/P FRANCIS DASS - 88090835**** 97 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : FRANCIS DASS A/L JACOB AROKIA DASS - 60060107**** NO.97 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ANTHONY SAMY A/L JOHN - 57061207**** NO.22 LORONG HARMONI, TAMAN BUKIT MAS 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11786
Peminjam : THIAGARAAJ PILLAI A/L THAYASEGAMANAY - 89080507**** NO. 1129 JALAN KLINIK LAMA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : THANESH A/L SATHIASELVAN - 88101835**** NO. 1435 KAMPUNG KOVIL 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : RAJESWARI A/P KRISHNAN - 66040607**** NO. 9105 KAMPUNG KOVIL 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11789
Peminjam : NUR MASIDAYU BT MOHD IBRAHIM - 88072107**** NO.167 JALAN RIMBA EMAS, TAMAN BERSATU, KULIM 09000 KEDAH
Penjamin 1 : NUR SINAR BINTI MOHD IBRAHIM - 84050807**** NO.167 JALAN RIMBA EMAS, TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : MOHD FADZLY BIN ABU BAKAR - 85071808**** NO.154 JALAN TERATAI INDAH 5, TAMAN TERATAI INDAH 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 11790
Peminjam : HANNA FARHANA BINTI ZAM ZAIMI - 92082207**** 757 B KAMPONG KASTAM, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : ZAM ZAINI BIN ABDULLAH - 63110308**** NO.757B KAMPUNG KASTAM, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : SHAHRIZUL BIN ISMAIL - 80081407**** NO.35 LORONG PENAGA 14, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU

No Akaun : 11795
Peminjam : REHANA BT MOHAMED SHAH JAHAN - 87052235**** 4E-13-07 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AYER ITAM 11500 FARLIM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMED SHAH JAHAN BIN NAGOOR MEERAH - 58121807**** 4E-13-07 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMMAD RAYEES BIN MOHAMED SHAH JAHAN - 91030407**** 4E-13-07 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 11805
Peminjam : HAZWANI BINTI ABDUL MUNIR - 87031007**** NO. 45 JALAN PALMA 1/3, TAMAN PALMA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : MUHAMMAD SUFFIAN BIN ABDUL MUNIR - 81010903**** G4-0-2 DESA PANDAN APARTMENT 55100 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : MUHAMMAD IKHLAS BIN MAT SIN - 78092310**** NO.16 TINGKAT PASIR BELANDA 9, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG

No Akaun : 11822
Peminjam : ROSYILA BINTI AHMAD - 85050307**** 5154 MK 20 KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ROSYINI BINTI AHMAD - 78041707**** NO.5154 MK 20, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SALIHUDDINSHARINA BIN SALIHAN - 78110701**** 35637 LORONG BAHAGIA KIRI 5, KAMPUNG NAKHODA, BATU CAVES 68100 SELANGOR

No Akaun : 11824
Peminjam : MUHAMAD NIZAM BIN JALI - 76022607**** NO 11 LORONG SIAKAP 13, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : ZAEMAH BINTI ZAINUDDIN - 76070302**** NO.1436 JALAN SOFEA 3, TAMAN TUNKU SARINA 06000 JITRA, KEDAH
Penjamin 2 : MUHAMMAD FAUZI BIN JALI - 62071471**** NO.110 MUKIM 9, TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11831
Peminjam : MOHAMMAD FARIZUL AZRI BIN MOHAMMAD FISOL - 92092207**** NO.597 LORONG 5/11 , TAMAN KENANGAN 09410 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 1 : MOHAMMAD FISOL BIN ABDUL MALEK - 66060102**** NO.597 LORONG 5/11, TAMAN KENANGAN 09410 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 2 : NORLIYA BINTI MOKHTAR - 72082008**** NO.820 LORONG KENANGAN 2/13, TAMAN KENANGAN 09410 PADANG SERAI, KEDAH

No Akaun : 11836
Peminjam : NUR HAZWANI BINTI MOHD ANI - 87121235**** NO. 5 PERSIARAN SEKSYEN 6/13, TAMAN PUTERA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHD YUSOF BIN MOHD ANI - 84120602**** 11 (PTD 4726) JALAN NUSARIA 1/4, TAMAN NUSANTARA, NUSAJAYA 81550 JOHOR
Penjamin 2 : AB KARIM BIN HJ ISMAIL - 62012502**** NO.17 PERSIARAN MAYANG PASIR 7, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11837
Peminjam : KUHAN RAJ A/L SANTHIRASEGARAN - 92111707**** 59, PINTASAN PEMANCAR 5, TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SENTHILATHIBAN A/L SUBRAMANYAM - 62102110**** NO.59 TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ELAMARAN A/L KANNIAH - 75091607**** NO.06-09-01 JALAN GANGSA 11600 GREENLANE, PULAU PINANG

No Akaun : 11838
Peminjam : VIMAL A/L MANIAM - 94071707**** 1062-21-43 GREEN GARDEN, JALAN PAYA TERUBONG 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MANIAM A/L SUPPIAH - 62030207**** NO.1062-21-43 GREEN GARDEN, JALAN PAYA TERUBONG 11060 AIR ITAM, PULAU PINANG.
Penjamin 2 : JAYABALAN A/L S L MALAILAM - 62122407**** A-5-2 PANGSAPURI MARIN, JALAN AKUARIUM, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11840
Peminjam : J.THANGESWARAN A/L JAYABALAN - 80060607**** NO.12A LORONG MACHANG BUBUK 39, TAMAN MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MOGANAMBAL A/P K ANNAMALAI - 61033007**** 6B-01-02 JALAN SEMARAK API, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KOGILAVANI A/P PARASORAMAN - 84090908**** NO.52 LORONG MACHANG BUBUK 38, TAMAN MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11848
Peminjam : ABDUL LATIFF BIN MOHD RADZI - 93070707**** NO.2 SOLOK TENGGIRI, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : NURHIDAYAH BINTI MOHD RADZI - 84101907**** B-17-15 PLATINUM LAKE CONDO. NO.9 JALAN DANAU SAUJANA 1, DANAU KOTA 53000 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : NURFAEZAH BINTI MOHD RADZI - 86051735**** NO.55 JALAN SP 8/9, BANDAR SAUJANA PUTRA 42610 JENJAROM, SELANGOR

No Akaun : 11849
Peminjam : NUR AIN AJEERA BINTI BASHARUDIN - 93010407**** 4-5-4 LEBUH NIPAH 3, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : BASHARUDIN BIN BAKAR - 66021105**** NO.4-5-4 LEBUH NIPAH 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD KHAIRUL ANUAR BIN OTHMAN - 83091607**** NO.43 LORONG GUAR PERAHU 31, TAMAN GUAR PERAHU 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11852
Peminjam : FATIN BINTI MD. ZAIN - 93090807**** 8-G-2 KOMPLEKS KEDIAMAN PENDIDIKAN TERATAI, BUKIT COOMBE, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MD ZAIN BIN BAHATIN - 61010907**** 8-G-2 KOMPLEKS KEDIAMAN PENDIDIKAN TERATAI, BUKIT COOMBE, GELUGOR, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : YUSOFF BIN ISMAIL - 59090510**** 7-4-1 KOMPLEKS KEDIAMAN PENDIDIKAN TERATAI, BUKIT COOMBE, GELUGOR, 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11854
Peminjam : MOHAMAD AIMAN BIN IDRIS - 92051707**** 1-G-1 LEBUH NIPAH 2, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NORJALILAH BINTI NOOR - 62040607**** 1-G-1 LEBUH NIPAH 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : AZIZOL BIN IDRIS - 84093007**** 1-G-1 LEBUH NIPAH 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11862
Peminjam : RAIHAN SUHAILA BT SHAHIMI - 90011014**** 1150E-15-11,SAUJANA HEIGHT, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS
Penjamin 1 : SHAHIMI BIN ALI - 60052207**** 1150E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABD RAHMAN BIN ALI - 64021507**** 255-A MUKIM J, KAMPUNG TERANG 11000 BALIK PULAU , PULAU PINANG

No Akaun : 11863
Peminjam : MOHAMAD KAMIL BIN RAHAMATTULAH - 93091607**** NO. 2350, LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : RAHAMATTULAH BIN ALLA PITCHAY - 62022507**** NO.2350 LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NOORULAMIN BIN ABDUL RAHMAN - 76102607**** 2137 TINGKAT SUNGAI GELUGOR 7, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 11864
Peminjam : MUHAMAD FARHAN BIN AHMAD - 89123007**** 647 TAMAN LAGENDA, JALAN LAGENDA 19/1, 09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 1 : ANITA JUNAIDAH BINTI AHMAD - 75080307**** 647 TAMAN LAGENDA, JALAN LAGENDA 19/1, 09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 2 : KHAIRUL AZIRA BINTI HAJI MOHAMAD KHIR - 77011107**** NO.484 PERMATANG SINTOK 13100 PENAGA, SPU

No Akaun : 11867
Peminjam : NUR HIDAYAH BINTI ABDUL HALIM - 89080635**** 116 U TELEKOM QRTS, JALAN SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AHMAD BIN HASSAN - 63041107**** 3-07-15 ARA GREENS, HALAMAN SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MAZNAH BINTI PAWANCHIK - 59120107**** NO.259 JALAN PERAK 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 11869
Peminjam : MUHAMMAD HAFIZ BIN SHAHIMI - 92121514**** 1150E-15-11 SAUJANA HEIGHT, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD AMINUDDIN BIN SHAHIMI - 85123007**** 1150E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JALAN TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS, 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZULKIFLI BIN MAT - 63032907**** NO.1251 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG

No Akaun : 11871
Peminjam : THARCHYANEE A/P MANIAM - 84100307**** NO. 6E , JALAN GUNARATANA 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KATHIRAVELU A/L SEENIVASEN - 68111207**** 152-I TINGKAT LEMBAH RIA 1, MK 13, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KAMALADEVI A/P GOVINDAN - 59051807**** NO.94 JALAN AYER ITAM 10460 PULAU PINANG





# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11878
Peminjam : MOHAMAD IHSAN BIN SAZALI - 87071607****
3-1-39 LINTANG BAYAN 8, SRI DELIMA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD IZUWAN BIN SAZALI - 83060407****
3-4-10 LINTANG BAYAN 8, SRI DELIMA, SUNGAI ARA, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ISKANDAR BIN SAZALI - 91081007****
3-1-39 LINTANG BAYAN 8, SRI DELIMA, SUNGAI ARA, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11879
Peminjam : MOHD HAZRAT BIN ISMAIL - 85113006****
MAKTAB RENDAH SAINS MARA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : NUR HAZLIZA BINTI ISMAIL - 83041306****
3-11-05 BL GARDEN, SOLOK THEAN TEIK, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMAD RASYIDI BIN GHAZALI - 84032602****
NO. 6 LORONG RUPAWAN 4, TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11883
Peminjam : FADHILAH BINTI TALLIB - 93090907****
NO. 262 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : TALLIB BIN YAHAYA - 59033107****
NO.262 LAHAR KEPAR, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHD LUTFI BIN TALLIB - 86092335****
NO.262 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11885
Peminjam : SALWANI BINTI SALIM - 75121207****
NO. 1012 KAMPUNG BAGAN NYIOR, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABDUL GANI BIN AHMAD - 76011907****
NO.6206 PAYA KELADI HUJUNG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : SALLINDA BINTI SALIM - 86031125****
NO.1012 MUKIM 12, BAGAN NYIOR, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11887
Peminjam : AMIRA ZAWANI BINTI ZULKIFLI - 93050307****
NO.30 JALAN TAMAN PERMAI JAYA 2, TAMAN PERMAI JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ZULKIFLI BIN ISMAIL - 71112807****
NO.30 JALAN TAMAN PERMAI JAYA 2, TAMAN PERMAI JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : KAMAL BIN SAMAH - T1076***
8320 MENGKUANG MAK SULONG, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11888
Peminjam : MUHAMMAD KHAIRI AZUAD BIN ABDUL RANI - 93082107****
BLOK F 3-03 KONDOMINIUM MUTIARA ASEANIA, JALAN PERDA BARAT , BANDAR BARU PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NOORANIZAH BINTI AZIZ - 73070907****
A-10-04 MENARA KOMANWEL A, VISTA KOMANVEL A, BUKIT JALIL 57700 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : NOR HANANI BINTI ABU HASAN - 74052002****
NO. 20A JALAN KENARI, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 11891
Peminjam : NOORFARADILA HAZWANI BINTI MOHAMAD NUR HADI - 93102607****
NO.B-2-10 PANGSAPURI ALIMSAH WALLEY, CHULIA STREET 10200 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMAD NUR HADI BIN ISMAIL - 65120707****
NO.74 JALAN PERAK 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NUR SYUHADA BINTI ISMAIL - 84092907****
AR-2-7 HILIR PEMANCAR, TAMAN TUN SARDON, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11899
Peminjam : SARIZANA BINTI HASSAN - 85092507****
NO. 35 LORONG SUTERA PRIMA 6, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 1 : MOHD FADZLI BIN ROSLI - 82030507****
NO.35 LORONG SUTERA PRIMA 6, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 PERAI
Penjamin 2 : AHMAD SUHAIMI BIN ZAINUDDIN - 86101802****
NO. 159 HDPN SEK. KEB. TEBENGAU, JALAN YAN, KUALA KEDAH 06600 KEDAH

No Akaun : 11904
Peminjam : KU NUR AMELIA BINTI KU DORIS - 88031407****
1A-3-13A PANGSAPURI IDAMAN LEVENDER, LILITAN SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KAMARUZAMAN BIN SALIM - 58040802****
NO.10 LINTANG BERTAM INDAH 5, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHAMAD ALI BIN OTHMAN - 61013107****
NO.5 LORONG BERTAM INDAH 8, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11914
Peminjam : NUR NASLIZA ARINA BINTI MOHAMAD NASIR - 87073007****
NO. 76 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ROSLIZA BINTI MD HUSSAIN - 66100507****
NO.76 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROSLIANA BINTI IBRAHIM - 84022207****
NO.240 MK 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG

No Akaun : 11916
Peminjam : NURUL SYAKINA BT MD HASHIM - 92101307****
NO.3630 MUKIM 4, 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : MOHD NOR AZMIN BIN MD HASHIM - 85123107****
3630 MUKIM 4, 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : NORRASHIKEN BINTI ABDULLAH - 82052107****
NO 1401 PERMATANG TENGAH 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 11917
Peminjam : NORSHAKIRAH BINTI AB MANAP - 91060407****
A-11-10 VISTA PRIMA , BANDAR BUKIT PUCHONG 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 1 : RUAZANI BIN AHMAD - 61070809****
NO.41A JALAN PALMA 2, TAMAN PALMA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : ZANARIAH BINTI ABD RAHMAN - 74030508****
NO.589 JALAN TITI TIMBOL, KAMPUNG HAJI OMAR 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 11919
Peminjam : DARSHINI A/P BALU - 88050607****
11-7-3 HALAMAN CENDANA, PESIARAN MAYANG PASIR 8, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : BALU A/L P SHATTAN - 58060907****
11-7-3 HALAMAN CENDANA, PESIARAN MAYANG PASIR 8, BUKIT GEDUNG 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : KANTHINI A/P BALU - 86070535****
11-7-3 HALAMAN CENDANA, PESIARAN MAYANG PASIR 8, BUKIT GEDUNG 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11922
Peminjam : ANTHONY ANDREAS BREHME A/L SUBRAMANIAM - 92081507****
BA 4-3 SPRINGFIELD CONDOMINIUM, LORONG KENARI, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : PUNITHA SELVA REENA A/P SUBRAMANIAM - 86031235****
NO. 64 LALUAN JATI 3, TAMAN SRI MERU, JELAPANG 30020 IPOH, PERAK
Penjamin 2 : PUNITHA VELLINA A/P SUBRAMANIAM - 82062507****
3-1-3 DESA SELATAN APARTMENT, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG

# Jangan jadikan Pulau Pinang tempat ‘longgokan sampah’ - Exco

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**BAGAN JERMAL –** Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh memberi amaran kepada pengimport plastik supaya tidak menjadikan Pulau Pinang sebagai ‘tempat longgokan’ sampah secara haram.

Amaran tersebut dikeluarkan beliau selepas penemuan besar-besaran sisa plastik seberat 7.95 tan di Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) baru-baru ini.

“Setakat ini masih ada 265 kontena berada di NBCT, dan *Custom Detention Yard* (11 kontena).

“Daripada jumlah tersebut, sebanyak 149 kontena telah diikrar sebagai barangan kitar semula, manakala 116 lagi masih belum diikrar.

“Pihak Kastam (Diraja Malaysia) juga telah menyiasat sebanyak 158 kontena yang mana 130 daripadanya telah ditawarkan kompaun berjumlah RM1,000, namun sehingga kini mereka (pengimport) masih belum membuat pembayaran,” katanya pada sidang media di sini 30 Mei lalu.

Turut serta, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Khong Chee Seong dan Pengarah Kastam Pulau Pinang, Datuk Saidi Ismail.

Mengulas lanjut, Boon Poh memberitahu bahawa sebanyak 11 syarikat yang dikaitkan dengan aktiviti tersebut kini sedang disiasat.

“Jumlah sisa yang diimport ini akan dihantar kembali ke negara asal tidak lama lagi.

“Kita benar-benar menentang tindakan yang tidak masuk akal ini dan kita menggesa supaya tindakan tegas diambil terharap pihak-pihak terbabit.

“Kita tidak sepatutnya membiarkan negeri ini menjadi tempat longgokan sampah yang diimport,” tegasnya.

Sebelum ini, sebanyak 3,000 tan sisa plastik dari 60 kontena juga dikesan di Pelabuhan Klang, Selangor.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Yeo Yee Bin menyatakan bahawa sisa plastik yang tercemar di Pelabuhan Klang akan dihantar kembali ke negara asal.



**PHEE Boon Poh (kiri) menunjukkan menunjukkan sisa plastik dari salah satu kontena yang dikenal pasti diimport dari luar negara secara haram di sini baru-baru ini.**

# Fi baru bagi Tapak Pelupusan Sampah Jelutong

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) meluluskan cadangan penggunaan struktur fi baru bagi pelupusan sampah di Tapak Pelupusan Sampah Jelutong mulai 1 Jun 2019.

Datuk Bandarnya, Dato’ Ar. Yew Tung Seang berkata, langkah tersebut adalah bagi menyelaraskan kadar fi mengikut tahap pencemaran dan kapasiti sampah.

“Bagi lori enam roda (iaitu 13 tan), kita (MBPP) telah menurunkan kadar fi daripada RM65 sebelum ini kepada RM54 per/trip (setiap perjalanan), manakala bagi lori 10 roda (24 tan) pula dikurangkan daripada RM120 sebelum ini kepada RM100 per/trip, iaitu pengurangan sebanyak 17 peratus.

“Bagi lori empat roda (2.4 tan) pula, fi yang dikenakan adalah kekal iaitu RM10 per/trip,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Biasa di sini 31 Mei lalu.

Turut hadir, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali serta Ahli-Ahli Majlis bagi MBPP.

Dalam perkambangan lain, Tung Seang menjelaskan bahawa pihaknya juga akan melaksanakan kutipan letak kereta bagi 13 jalan di bahagian pulau melibatkan 228 bilangan petak baharu.

“Kutipan parkir ini melibatkan kawasan perniagaan dan pejabat yang akan berkuat kuasa dalam tempoh terdekat,” jelasnya.

Difahamkan, antara jalan-jalan terlibat adalah Persiaran Sungai Dua, Jalan Pantai Aziz Ibrahim (30), Jalan Pantai Jerejak (13), Jalan Pantai Jerejak (15), Lorong Leandro’s, jalan servis di sebelah Jalan C.Y. Choy dan jalan-jalan servis di sebelah Jalan Jelutong serta Lorong Perak.



**AR. Yew Tung Seang (kanan sekali) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**




# ADUN puji kempen kesedaran padah guna plastik

**GEORGE TOWN -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen memuji inisiatif pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Wisdom Shine Educare* bersama-sama pihak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung Hwa menganjurkan *'UN Plastic Campaign'* di *Occupy Beach Street* pada 26 Mei 2019.

Bagi beliau, kempen itu diharap membuka mata semua mengenai padah penggunaan beg plastik terhadap alam sekitar terutama habitat laut.

"Kita mahu mengurangkan penggunaan plastik demi menjamin masa depan yang mampan.

"Sejak tahun 2009, Kerajan Negeri Pulau Pinang memulakan kempen 'Tak Nak Beg Plastik Sekali Guna', untuk mengurangkan penggunaannya," jelasnya pada majlis berkaitan di sini.

Turut hadir, ADUN Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng.

Dalam pada itu, Pengarah Pusat Pengajian Marin dan Persisir Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Dr. Aileen Tan Shau-Hwai menyatakan bahawa rata-rata umum sebenarnya seakan-akan tidak tahu mengenai bahaya penggunaan mikroplastik dan nanoplastik.

"Ia adalah zarah plastik kecil yang boleh memasuki aliran darah kita...ia berbahaya untuk kesihatan manusia.

"Orang ramai boleh mengetahui lebih lanjut mengenai isu ini menerusi *'UN Plastic Campaign'*," ujarnya.

*Penang Green Council (PGC), Trash Hero, Buddhist Tzu Shi Merits Society Malaysia* dan *Owl-Penang Zero Waste Bulk Store* antara beberapa pihak yang turut berkongsi pengalaman serta pengetahuan masing-masing mengenai bahaya penggunaan plastik terhadap kesihatan manusia serta alam semula jadi.




**DANIEL Gooi Zi Sen (tengah) dan Teh Lai Heng (kiri sekali) pada Majlis Perasmian UN Plastic Campaign di sini baru-baru ini.**

---

## MBPP sejak 10 tahun lalu catat rekod tanam 360,000 pokok

**PULAU TIKUS -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyumbang masing-masing 25 anak pokok Tecoma *(Tabebuia Rosea)* serta Bucida *(Bucida Molineti)* dan 50 lain-lain jenis kepada *St. George's Girls' School*.

Ahli Majlis MBPP, Connie Tan Hooi Peng berkata, pihaknya berharap sekolah berkenaan akan menjadi institusi pendidikan pertama di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Tikus yang mengamalkan pertanian bandar.



**CHRIS Lee Chun Kit (berkemeja hitam) bersama-sama wakil pentadbir *St. George's Girls' School* menyempurnakan Majlis Perasmian Projek Pertanian Bandar di sini baru-baru ini.**

"Inisiatif penanaman pokok ini adalah sangat penting selari dengan visi *Penang2030* yang mensasarkan Pulau Pinang menjadi negeri lebih hijau, dan ia adalah usaha sama MBPP dan Jabatan Pertanian Negeri.

"Kita akan menanam sayur-sayuran dan pokok-pokok herba untuk projek pertanian bandar ini," jelasnya pada Majlis Perasmian Projek Pertanian Bandar di sini pada 21 Mei 2019.

Menjawab soalan pemberita, Hooi Peng memberitahu bahawa MBPP sejak 10 tahun lepas direkodkan telah menanam kira-kira 360,000 pokok.

"MBPP juga mensasar akan menanam 100,000 lagi pokok dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya sambil menzahirkan penghargaan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit atas kesudian merasmikan acara berkenaan.

Bercakap kepada pemberita, Chun Kit memberitahu bahawa kempen nilai digerakkan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan wajar disambut semua lapisan masyarakat.

"Kita melihat pokok dan tumbuh-tumbuhan adalah sebahagian gaya hidup masyarakat yang sihat.

"Selain itu, saya juga terpanggil untuk melakukan sesuatu terutamanya membabitkan *St. George's Girls' School* kerana sekolah berkaitan merupakan salah satu sekolah warisan di Pulau Pinang, dan kita perlu mengekalkannya," ujarnya sambil menyatakan bahawa Pusat Khidmat Rakyat ADUN Pulau Tikus juga berhasrat melakukan kerja-kerja penambahbaikan di sekolah berkenaan.



# Pusat Harmoni pupuk perpaduan dan keharmonian rakyat



RUPA bentuk pemajuan kini.



CHONG Eng (tiga dari kiri), Lim Siew Khim (tengah) dan Daniel Gooi Zi Sen (dua dari kiri) pada sesi lawatan tapak Pusat Harmoni di sini baru-baru ini.

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang memperuntukkan RM3 juta untuk membangunkan Pusat Harmoni di bangunan bersebelahan Perpustakaan Kanak-Kanak dekat Jalan Scotland.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng menyatakan bahawa pihaknya berharap projek berkaitan akan menyemarakkan lagi keharmonian rakyat berbilang agama dan kaum.

"Saya berharap dengan adanya Pusat Harmoni ini, kita boleh memupuk perpaduan melalui program-program yang dianjurkan… (serta) menggalakkan persatuan-persatuan ini untuk bekerjasama sambil bertukar-tukar pandangan bagi menganjurkan aktiviti di Pusat Harmoni ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang ketika melawat tapak projek pemajuan tersebut di sini 3 Jun 2019.

Menurut Chong Eng, bekas Ketua Menteri Lim Guan Eng yang kini merupakan Menteri Kewangan pada April 2018 lepas melancarkan projek Pusat Harmoni berkenaan.

"Bangunan Kuarters Kerajaan Negeri berkeluasan 4,300 kaki persegi telah diubah suai dan ditambah baik sebagai pejabat urus setia dengan beberapa komponen tambahan.

"Sebuah struktur bangunan tambahan berkeluasan 2,800 kaki persegi telah dibangunkan bersebelahan Pusat Harmoni (Bangunan Annex) untuk tujuan Dewan Komuniti," jelasnya.

Tambah Chong Eng, Pusat Harmoni berkeluasan 7,100 kaki persegi itu mampu memuatkan sebanyak 330 orang pada satu masa.

ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen turut hadir pada lawatan berkaitan.

# Pastikan kesihatan gelandangan tetap terpelihara

**GEORGE TOWN -** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin bersama-sama beberapa pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) seperti *MyRescue*, Persatuan MyAid Malaysia dan Persatuan Pergigian Islamik Malaysia mendekati golongan gelandangan dalam memastikan kesihatan mereka tetap terjaga.

Menurut beliau, program tersebut mengumpulkan pegawai-pegawai perubatan untuk melakukan pemeriksaan kesihatan dan gigi secara percuma kepada gelandangan sempena Ramadan lalu.




"Uniknya kali ini, program ini dibuat ketika bulan Ramadan dan keduanya, bertepatan dengan program tahunan yang dianjurkan oleh pihak Masjid Kapitan Keling dalam menyambut malam ke-27 Ramadan.

"Baru-baru ini juga saya mendapat laporan daripada rakan-rakan Masjid Kapitan Keling yang mengatakan bahawa terdapat gelandangan yang meninggal dunia.



DR. Afif Bahardin (duduk, kanan sekali) turut membuat pemeriksaan kesihatan terhadap salah seorang umum bersempena penganjuran pemeriksaan kesihatan dan gigi secara percuma khas kepada golongan gelandangan di sini baru-baru ini.

"Justeru, ada baiknya jika kita anjurkan program sebegini yang mana sekurang-kurangnya golongan ini dapat dibantu dengan pemeriksaan kesihatan percuma," ujarnya ketika turut bersama-sama menyantuni golongan berkaitan di sekitar Masjid Kapitan Keling.

Dalam pada itu, Penyelaras MyRescue, Dr. Nazim Malek ketika ditemui Buletin Mutiara menyatakan bahawa program pemeriksaan kesihatan percuma yang pernah dianjurkan sebelum ini berjaya menarik perhatian Afif.

"Oleh itu, kami (pegawai perubatan bersama-sama Pejabat Exco) berhasrat untuk meneruskan khidmat pemeriksaan kesihatan itu pada masa hadapan," jelasnya.

Seramai 38 orang pegawai perubatan dan lima sukarelawan turut membantu dalam menjayakan program tersebut.

Difahamkan, pemeriksaan kesihatan percuma tersebut mendapat sambutan baik bukan sahaja daripada golongan gelandangan malah, orang ramai yang lalu lalang.

# ADUN terkejut tanah lapang jadi sarang biak nyamuk aedes



**SOON Lip Chee (kiri sekali) menunjukkan sampel air yang diambil daripada bekas takungan di sebuah kawasan lapang dekat sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAGAN JERMAL –** Tanah lapang diceroboh serta dijadikan kebun haram berhampiran Taman Bagan Jermal yang disangka sarang ular, rupa-rupanya menjadi tempat pembiakan jentik-jentik.

Selepas meninjau tanah milik persendirian itu, Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal meminta pegawai pemantau kesihatan untuk mengambil sampel air daripada 12 bekas takungan air hujan di kawasan berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Selain itu, Lip Chee turut meminta Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Khong Chee Seong supaya mengatur kerja-kerja pembersihan di kawasan terbabit sesegera mungkin.

"Memang tak salah simpan air hujan di dalam bekas untuk siram tanaman, tapi biarkan air hujan 'tak bergerak' akan menyebabkan jentik-jentik membiak jadi nyamuk aedes," katanya sejurus tinjauan di lokasi berkaitan 28 Mei lalu.

Jelas Lip Chee, cadangan untuk mengenakan kompaun kepada individu yang didakwa menceroboh tanah persendirian tersebut serta tuan tanah persendirian iaitu sebuah syarikat pemaju tempatan akan dipertimbangkan kelak.

Bercakap pada sidang media sama, Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Bagan Jermal, Abdullah Koson memberitahu bahawa pihaknya sejak dua tahun lepas telah menasihati individu yang menceroboh tanah persendirian tersebut, namun, langsung tidak diendahkan.

Lalu, pihak persatuan penduduk mengambil keputusan melaporkan isu berbangkit itu kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) serta pejabat Pusat Khidmat Rakyat ADUN Bagan Jermal baru-baru ini.

"Isu ini telah lama, kita juga telah berikan teguran, tapi disebabkan pihak terbabit tidak endah, jadi saya memanjangkan isu ini kepada MPSP dan kepada pejabat YB (Lip Chee).

"Sehari sebelum itu, lain yang kita tinjau (iaitu ular) tapi lain yang kita jumpa, iaitu begitu banyak bekas takungan air bersih yang menjadi sarang pembiakan jentik-jentik.

"Di kawasan ini, kita ada 1,323 unit rumah (meliputi) Taman Bagan Jermal dan Vista Perdana… di Surau Bagan Jermal yang dijadikan Madrasah Tahfiz Fathul Ulum ini didiami 30 murid dan lima tenaga pengajar.

"Jadi, kita boleh membayangkan andai wabak denggi terjadi maka puncanya adalah daripada sarang pembiakan jentik-jentik di sini," jelasnya sambil menyatakan sokongan penuh kepada Kerajaan Negeri dalam memerangi nyamuk aedes serta wabak denggi.

Dalam pada itu, pegawai pemantau kesihatan menyatakan bahawa di dalam kes sebegini, selalunya kerja-kerja pembersihan tanah lapang berkenaan serta pengasapan *(fogging)* dilakukan secara serta-merta dalam tempoh kurang 24 jam memandangkan prosedur mengenal pasti dalang untuk tujuan kompaun akan mengambil masa lebih lama.

FAIRVIEW
RESIDENCE



**Sebagai Kejiranan Yang Moden di Selatan Pulau Pinang**

- Perumahan mampu milik terdiri daripada dua menara setinggi 32 tingkat
- Saiz unit sebesar 970 kaki persegi dengan pelan susun atur yang praktikal dan serbaguna untuk pilihan anda
- Dua tingkat kawasan rekreasi dengan kemudahan yang mengutamakan gaya hidup moden dan anggun
- 3 bilik tidur dan 2 bilik mandi
- Lokasi di Sungai Ara dengan akses mudah ke Jambatan Pulau Pinang, Lapangan Terbang Pulau Pinang, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Pusat Membeli-belah Queensbay, Sunshine Square, Bandar Georgetown dan pelbagai kemudahan yang lain
- Hakmilik Kekal




UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

**+604 229 6288 | www.bsgproperty.com** **BSG** | Property®

**THE GALLERIA**
52, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10400 Penang, Malaysia.
T:+604 229 6288 F:+604 228 0188

Fairview Residence · Pihak Pemaju: Potential Dual Sdn Bhd (1149032-A) · No. Lesen Pemaju: 19427-1/06-2020/0501(L) · Tempoh Sah: 02/06/2018 hingga 01/06/2020 · Permit Iklan dan Jualan: 19427-1/06-2020/0501(P) · Tempoh Sah: 02/06/2018 hingga 01/06/2020 · Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang · Bebanan Tanah: CIMB Bank Berhad (13491-P) · No. Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB9147/16(LB) · Jumlah Unit: 575 sahaja · Tarikh Dijangka Siap : March 2023 · Pegangan Tanah: Hakmilik Bebas · Harga Minimum: RM 408,000.00 · Harga Maksimum: RM 612,000.00 · Tertakluk kepada terma dan syarat

## Makluman pembayaran secara pindahan wang/ EFT bagi program Penghargaan Warga Emas Daerah Seberang Perai Tengah

Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran bagi semua penerima terlibat telah selesai dilaksanakan pada 3 Jun 2019 melalui kaedah pindahan wang elektronik/ *Electronic Funds Transfer* (EFT). Sila ambil maklum bahawa pembayaran ini hanya melibatkan para penerima di bawah daerah Seberang Perai Tengah yang telah memilih untuk menerima sumbangan melalui kaedah EFT (belum membuat tuntutan).

Untuk semakan status bayaran anda, sila layari laman web i-Sejahtera di *www.isejahtera.penang.gov.my* dengan memasukkan nombor kad pengenalan anda di ruangan yang disediakan.

Bagi penerima berstatus EFT tidak berjaya, sila kemaskini semula maklumat akaun anda dengan segera. Sekiranya tiada kemaskini dilakukan, pembayaran akan dilakukan melalui kaedah tunai pada fasa berikutnya (dalam tahun semasa). Daripada keseluruhan 1,780 orang penerima EFT, sebanyak 32 pembayaran direkodkan sebagai tidak berjaya.

**SEMAKAN STATUS PEMBAYARAN BAGI PROGRAM i-SEJAHTERA**

Pautan URL : https://isejahtera.penang.gov.my








RAFFEL II RESIDENCE

KEMEWAHAN MODEN DI LOKASI PREMIUM



- Rumah Teres 3-tingkat yang menampilkan seni bina dan reka bentuk kontemporari
- Lokasi yang tenang dan dikelilingi oleh kejiranan yang mapan di Bukit Gambier, Penang
- Akses mudah ke Universiti Sains Malaysia, Pusat Komersial Egate, Tesco, Jambatan Pulau Pinang, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Bandar Georgetown dan pelbagai kemudahan yang lain
- 6 bilik tidur dan 6 bilik mandi
- Hakmilik Kekal




UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

+604 229 6288 | www.bsgproperty.com

BSG | Property®

**THE GALLERIA**

52, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10400 Penang, Malaysia.

T:+604 229 6288 F:+604 228 0188

Raffel Residence 2 • Developer: Nuwata Sdn Bhd (506801-P) • Developer Licence No.: 9563-5/06-2019/02054 (L) • Validity Period: 05/06/2018 to 04/06/2019 • Advertising & Sales Permit: 9563-5/06-2019/02054 (P)· Validity Period: 05/06/2018 to 04/06/2019 • Approving Authority: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Land Encumbrances: NIL • Building Plan No.: MBPP/OSC/PB10138/18(LB) • Total Units: 22 only • Expected Date of Completion: June 2020 • Tenure of Land: Freehold • 5% Discount for Bumiputera • Minimum Price: RM2,388,000.00 • Maximum Price: RM2,888,000.00 • Subject to terms and conditions •

# Skim Pembaharuan Semula perumahan awam, Pulau Pinang diminta terajui projek perintis

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU LANCANG –** Pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri dicadang mempertimbangkan kaedah pembaharuan semula skim-skim perumahan awamnya dalam usaha mengurangkan beban kos penyelenggaraan bangunan-bangunan berkaitan.

Cadangan tersebut disuarakan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo ketika Majlis Perasmian Projek Menggantikan Bumbung Flat MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) di Lintang Batu Lanchang 15 Mei lalu.

Jagdeep memberitahu bahawa keseluruhannya terdapat 14 skim perumahan melalui kaedah sewa di bawah MBPP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

“Sejak 2008 hingga sekarang, kedua-dua PBT telah membelanjakan hampir RM21 juta untuk menyelenggara 14 skim perumahan awam ini.

“Walaupun ia adalah langkah baik, namun untuk terus menyelenggara bangunan yang telah mencecah puluhan tahun akan melibatkan kos yang tinggi dan tidak efektif.

“Untuk skala ekonomi yang lebih baik, pendekatan atau kaedah pembaharuan semula mampu menjimatkan kos (penyelenggaraan) ini,” ujarnya di sini.

Mengulas lanjut mengenai cadangan tersebut, Jagdeep menyatakan bahawa sekiranya skim-skim awam tersebut diperbaharui semula, ia bukan sahaja menjimatkan kos malah bangunan lebih besar boleh didirikan di kawasan sama.

“Tak perlu cari tanah baharu, di bandar memang susah untuk dapat tanah, tapi di sini (skim-skim perumahan PBT) tanah sudah tersedia.

“Jadi jika diperbaharui semula, penyewa mendapat tiga keuntungan iaitu, pertama, mereka mendapat unit baharu; kedua, unit lebih besar dan ketiga, unit yang mempunyai kemudahan lebih,” jelasnya.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong.

Difahamkan, MBPP telah memperuntukkan RM246,650.61 untuk melakukan penukaran bumbung baharu flat berkenaan membabitkan proses kerja pada September 2018 dan siap sepenuhnya Februari lalu.

Pada peringkat Kerajaan Negeri, Jagdeep berkata, beliau telah memperkenalkan Skim Pembaharuan Semula pada tahun 2015 kepada perumahan di bawah seliaan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).



PEMANDANGAN Flat MBPP di Lintang Batu Lanchang di sini.

“Kita (Kerajaan Negeri) sekarang dalam proses perbincangan dengan Pusat membabitkan beberapa isu perundangan supaya kaedah (pembaharuan semula) ini boleh dilaksanakan.

“Pihak PDC telah mengenal pasti lima projek untuk diperbaharui semula iaitu masing-masing tiga di bahagian pulau dan Seberang Perai (dua),” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat.

Tambah Jagdeep, melalui perbincangan bersama-sama Kerajaan Pusat, Pulau Pinang diminta menerajui projek perintis pembaharuan semula tersebut di dalam negara.

“Kerajaan Pusat nak kita (Pulau Pinang) buat projek perintis ini dulu, sebab katanya Skim Pembaharuan Semula diwujudkan pada tahun 2015, manakala mereka di peringkat Pusat dua tahun kemudian (2017).

“Sememangnya, kita akan jalankan satu projek perintis dan diharap pelaksanaan di Taman Mahsuri, Bayan Baru boleh dimulakan sebelum akhir tahun ini,” kata beliau.

## MPSP jalin MoU bersama TNB laksana penggunaan tenaga boleh diperbaharui

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama-sama Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi melaksanakan penggunaan tenaga boleh diperbaharui melalui pemasangan tenaga solar.



SR. Rozali Mohamud (duduk, tengah) menandatangani MoU bersama-sama pihak TNB berkaitan pemasangan tenaga solar sambil disaksikan Jagdeep Singh Deo (berdiri, dua dari kiri) di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, pemasangan sistem solar akan dilaksanakan secara *Supply Agreement Renewable Energy* (SARE) di beberapa pasar awam milik pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

“MPSP merupakan agensi pertama di negeri ini yang menandatangani SARE bersama-sama TNB yang mana kita (MPSP) tidak akan mengeluarkan sebarang kos awalan untuk pemasangan sistem solar di pasar-pasar awam terpilih.

“Pemasangan sistem solar berpotensi menyokong usaha-usaha untuk menangani perubahan iklim.

“Justeru, bagi fasa pertama, MPSP dan TNB memilih Pasar Awam Kepala Batas, Pasar Awam Bagan Ajam dan Pasar Awam Kota Permai untuk tujuan tersebut,” katanya dalam Mesyuarat Majlis Penuh dekat Ibu Pejabat MPSP di sini pada 17 Mei lalu.

Menyaksikan majlis menandatangani ialah Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Turut serta, Ahli-Ahli Majlis serta Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod.

Dalam perkembangan berkaitan, Rozali juga menyatakan bahawa MPSP turut menandatangani *Non Disclosure Agreement* (NDA) dengan Revotech Electrical Sdn. Bhd. untuk membenarkan syarikat berkenaan melaksanakan pengukuran sebenar penggunaan tenaga di bilik suis utama Menara MPSP dekat bandar Perda.

“Kita juga mengalu-alukan mana-mana syarikat solar yang berminat untuk menawarkan pemasangan sistem solar di tapak letak kereta Menara MPSP Perda melalui inisiatif-inisiatif tenaga boleh diperbaharui yang sesuai tanpa memerlukan MPSP mengeluarkan kos awalan,” jelasnya.



# Kaedah TNR bantu MBPP kawal pembiakan anjing liar

Gambar : **ALVIE CHENG**

**SUNGAI PINANG –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) merupakan pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Semenanjung Malaysia yang menjalankan program tangkap-pemandulan-lepas (*Trap-Neuter-Release*, TNR) secara aktif dalam usahanya mengawal populasi anjing liar dan terbiar.

Datuk Bandarnya, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, setakat 30 April 2019, sebanyak 637 anjing telah berjaya dimandul kemudian dilepaskan semula.

"Program TNR ini telah bermula secara skala kecil di Pusat Kawalan Vektor dan Veterinar dekat Jalan Sungai pada 1 Mac 2018.

"Anjing yang telah dimandulkan ini akan ditatukan dengan nombor pada telinga kanan dan ditanda dengan potongan telinga *(ear notch)* pada telinga kiri.

"Bagi merealisasikan program ini dengan lebih dinamik, pihak Majlis telah memperuntukkan RM169,359 bagi menyediakan sebuah pusat khas yang dilengkapi dengan 60 kandang anjing serta ruang kabin pelbagai kegunaan (lapan) kepada *International Aid for the Protection & Welfare of Animals* (IAPWA)," ujarnya pada Majlis Perasmian Pusat Kawalan Anjing Liar dan Terbiar dekat Jalan Sungai, di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim, R.S.N. Rayer (Ahli Parlimen Jelutong) dan Ahli-ahli Majlis PBT berkaitan.

Jagdeep ketika berucap menyatakan keyakinan beliau bahawa hasil kerjasama di antara MBPP dan IAPWA mampu menjayakan matlamat Program Zero Stray di Pulau Pinang.

Tambah beliau, populasi anjing liar di kawasan pulau kini adalah mencecah di antara 12,000 hingga 15,000 ekor anjing, manakala Seberang Perai (20,000).

"Aduan berkaitan anjing liar dan terbiar yang perlu ditangani pihak PBT kian bertambah setiap hari, justeru ia memerlukan satu mekanisme yang efektif agar setiap masalah tersebut ditangani sebaik-baiknya.

"Pihak PBT juga sentiasa proaktif untuk mewujudkan dan menyelaras program penguatkuasaan tangkapan anjing liar dan terbiar mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) terkini seperti ditetapkan Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan ke-67 (MNKT ke-67)," jelasnya.




**RUPA bentuk Pusat Kawalan Anjing Liar dan Terbiar MBPP di sini.**





Keluasan Tanah : 1400kp(min)-2600(mak)
Keluasan Bangunan : 900kp
Harga Jualan : RM 298,800.00 (min)- RM 381,133.48 (mak)
Bil Unit : 9

Keluasan Tanah : 1300kp(min)-2810kp(mak)
Keluasan Bangunan : 1800kp
Harga Jualan : RM 418,800.00 (min)- RM 523,562.83 (mak)
Bil Unit : 32




Pemaju:
GALIANCON DEVELOPMENT SDN. BHD
佳聯屋業發展有限公司 (877325-D)

Alamat Pejabat :
No. 17, Lorong Keramat Permai 1,
Taman Keramat Permai,
14300 Nibong Tebal, S.P.Selatan,
Pulau Pinang.
Tel/Faks/Wasap:04-5941202
016-2941202
E-mel:keramatpermai17@gmail.com

No. Lesen Pamaju :14250-2/04-2020/0336(L)
No. Permit Iklan & Jualan :14250-2/04-2020/0336(P)
Nama Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-69/42
Tarikh Pemajuan Dijangka Siap: Jun 2020
Jenis Pegangan Tanah: Hak Milik Kekal
Tempoh Sah: 05/04/2018 sehingga 04/04/2020
Bilangan Unit: 1) Teres 1 Tingkat : 9 unit 2) Teres 2 Tingkat: 32 unit

# Naik taraf Padang Kota Permai berlandaskan maklum balas penduduk

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MP**




**STEVEN Sim Chee Keong (berbaju hitam, tengah) bergambar kenangan dengan jawatankuasa penganjur, barisan jemputan khas dan para peserta pada penganjuran Karnival Reka Bentuk Taman Idaman Anda di sini baru-baru ini.**

**BAGAN LALANG –** Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong buat julung kalinya menganjurkan Karnival Reka Bentuk Taman Idaman Anda untuk mendapatkan maklum balas para penduduk mengenai projek menaik taraf Padang Kota Permai di sini.

Chee Keong berkata, program berkenaan memberi peluang kepada penduduk dan pihak berkepentingan di Taman Kota Permai untuk mengemukakan cadangan mengenai kemudahan-kemudahan yang diperlukan di situ.

"Saya menerima banyak permohonan untuk menaik taraf dan memperbaiki padang di sekitar Bukit Mertajam.

"Jadi, saya fikir kita tidak boleh hanya baik pulih, sebaliknya perlu memikirkan semula konsep reka bentuk padang kerana kebanyakan (padang) yang ada hari ini dirancang dengan cara sama sejak berabad lalu.

"Oleh itu, kami memutuskan untuk mendapatkan pandangan orang ramai termasuk pihak berkepentingan, penduduk dan mereka yang selalu menggunakan padang ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan karnival berkenaan baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Bernard Cheen Goon Hooi dan Pengarah Projek Think City Sdn. Bhd., Murali Ram.

Program turut dimeriahkan dengan beberapa lagi acara seperti pemeriksaan kesihatan, permainan tradisional, proses kitar semula plastik serta pameran seni kraftangan.

Mengulas lanjut, Chee Keong memberitahu bahawa peruntukan keseluruhan bagi projek menaik taraf padang-padang di sekitar Bukit Mertajam adalah kira-kira RM500,000 berdasarkan keperluan.

"Projek ini juga sesuai dengan portfolio saya sebagai Timbalan Menteri Belia dan Sukan kerana kita mahu menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti.

"Jadi, kita akan melabur dalam membaik pulih padang dan sekiranya projek ini berjaya mungkin ia boleh dibuat di negeri-negeri lain juga," jelasnya.

Difahamkan, antara ciri-ciri reka bentuk yang diketengahkan untuk pilihan penduduk adalah pemasangan arca seni, menanam lebih banyak pokok dan landskap, membina padang bola sepak, taman permainan, menyediakan alatan senaman, trek joging dan refleksologi.

MERBOK SANCTUARY Nibong Tebal

Hakmilik Kekal
5% Diskaun bagi Bumiputera








Rumah Berkembar 2 Tingkat Jenis B
Keluasan Binaan – 33' x 43' • Keluasan Tanah – 40' x 70'
Harga Jualan – RM 798,800.00 (min) - RM 910,800.00(max)

Kedai Pejabat 3 Tingkat Jenis A
Keluasan Binaan – 23' x 59' (Tingkat Bawah) • 23' x 67' (Tingkat 1&2)
Keluasan Tanah – 23' x 69' • Harga Jualan – RM 1,388,000.00

Kedai Pejabat 3 Tingkat Jenis B
Keluasan Binaan – 20' x 60' (Tingkat Bawah) • 20' x 68' (Tingkat 1&2)
Keluasan Tanah – 20' x 70' • Harga Jualan – RM 898,000.00

Rumah Berkembar 2 Tingkat Jenis A
Keluasan Binaan – 48' x 42' • Keluasan Tanah – 55' x 70'
Harga Jualan – RM 998,800.00 (min) - RM 1,288,800.00(max)




Pemaju:
Demi Canggih (Penang) Sdn Bhd
(1040123-H)
No 59, Jalan Bukit Tambun
Pusat Perniagaan Tambun Indah
14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang
Tel : 016-416 2648 / 011-3667 0465 / 04-505 7648
www.sunnyhomes.com.my

Taman Santuari Merbok - Phase 1 Cadangan skim perumahan di ats Lot 10531 (Lot Lama 5735) Jalan Persekutuan Nibong Tebal, Mukim 11, Seberang Perai Selatan • No of Units: Kedai Pejabat 3 Tingkat (Jenis A) - 5 Units / Kedai Pejabat 3 Tingkat (Jenis B) - 5 Units • Nama Pihak Berkuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai • Rujukan Pihak Berkuasa: MPSP/40/20-71/31 • Tarikh Jangka Siap : Disember 2019 • Jenis Hakmilik : Kekal Bebanan Tanah : Tiada • 5% Diskaun bagi Bumiputera • Tertakluk kepada terma dan syarat.

Taman Santuari Merbok - Phase 2 • No Lesen Pemaju :19198-1/11-2019/0892(L) • Sah Dari : 02/11/2017 - 01/11/2019 . No Permit Iklan : 19198-1/11-2019/0892(P) • Sah Dari : 02/11/2017 - 01/11/2019 • Nama Pihak Berkuasa : Majlis Perbandaran Seberang Perai . Rujukan Pihak Berkuasa : MPSP/40/20-71/32 • No of Units : Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis A) - 12 units . Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis B)-22 units • Harga : Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis A: ) RM 1,032,460.00 (min) - RM 1,288,800 (max) Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis B: ) RM 803,396.00 (min) - RM 910, 800 (max) • Tarikh Jangka Siap : Disember 2019 • Jenis Hakmilik : Kekal Bebanan Tanah : Tiada • 5% Diskaun bagi Bumiputera • Tertakluk kepada terma dan syarat.

Taman Santuari Merbok - Phase 3 • No Lesen Pemaju :19198-2/11-2019/0894(L) • Sah Dari : 02/11/2017 - 01/11/2019 . No Permit Iklan : 19198-2/11-2019/0894(P) • Sah Dari : 02/11/2017 - 01/11/2019 • Nama Pihak Berkuasa : Majlis Perbandaran Seberang Perai . Rujukan Pihak Berkuasa : MPSP/40/20-71/33 • No of Units : Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis B) - 40 units . Harga : Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis B) : RM 803,396 (min) - RM 910,800 (max) • Tarikh Jangka Siap : March 2020 • Jenis Hakmilik : Kekal Bebanan Tanah : Tiada • 5% Diskaun bagi Bumiputera • Tertakluk kepada terma dan syarat.

# Kejayaan usahawanita biskut wajar dicontohi - ADUN

Teks & Gambar : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**

**BATU UBAN –** Kejayaan usahawanita biskut, Ani Eusoff wajar dijadikan contoh kepada masyarakat setempat dalam menceburi bidang keusahawanan, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), A. Kumaresan.

Beliau berkata, kira-kira setengah juta bekalan biskut raya berjaya dihasilkan usahawanita berkenaan pada tahun ini yang diedarkan melalui 74 stokis di seluruh negeri.

"Saya berasa amat gembira dengan pencapaian Puan Ani, dan kita (pejabat Kawasan Dewan Undangan Negeri, KADUN Batu Uban) perlu tampilkan kejayaan beliau kerana usaha kecil-kecilan dahulunya kini berjaya membuahkan hasil.

"Pada awalnya, saya sangat terkejut ketika mengunjungi rumah beliau yang merupakan tempat membakar biskut raya kerana semua ruang dipenuhi dengan kuih raya.

"Paling menarik, Puan Ani menggaji pekerja yang kebanyakannya adalah orang-orang kampung, suri rumah dan ibu tunggal supaya usaha ini dapat memberikan peluang kepada mereka untuk mendapatkan 'duit poket," katanya semasa mengadakan lawatan ke premis pemprosesan Animusa Cookies di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kumaresan juga memberitahu bahawa beliau juga akan cuba mendapatkan status halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta bangunan yang lebih besar bagi menampung bekalan biskut raya serta ruang bagi pekerja untuk kerja-kerja pemprosesan.

"Malah, saya juga berhasrat membantu beliau untuk menjalankan perniagaan dalam talian bagi mengembangkan lagi perniagaan ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Ani ketika ditemui Buletin Mutiara berharap agar Kumaresan dapat membantu beliau dalam usaha untuk memajukan lagi perniagaannya.



**A. Kumaresan (sembilan dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama Ani Eusoff (bertudung hitam) dan kakitangan beliau bersempena lawatan khas di sini baru-baru ini.**

## Pusat Tuisyen Rakyat KADUN Seri Delima lahirkan pelajar cemerlang peperiksaan

**SERI DELIMA –** Program Tuisyen Rakyat KADUN Seri Delima yang dilaksanakan oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bukit Gelugor bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar yang mengikuti kelas tuisyen percuma itu, malah turut melahirkan pelajar cemerlang dalam peperiksaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid berkata, inisiatif untuk mengadakan kelas tuisyen percuma itu diilhamkan mantan ADUN yang kini Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer.

Bermula dengan mensasarkan kelompok pelajar tertentu, kini inisiatif itu mendapat sambutan menggalakkan bukan sahaja dalam kalangan penduduk di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima, malahan dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Lancang dan kawasan sekitar.




**SYERLEENA Abdul Rashid (tengah) bersama-sama jawatankuasa yang menjayakan Pusat Tuisyen Rakyat KADUN Seri Delima mengadakan perbincangan khas di sini baru-baru ini.**

"Buat masa ini, jumlah pelajar adalah seramai 60 orang yang berdaftar dan mereka mengikuti kelas mengikut peperiksaan iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Antara subjek yang diajar adalah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik yang diadakan setiap hari Sabtu, Ahad dan Rabu.

"Saya juga ingin mengalu-alukan mana-mana ibu bapa yang berminat untuk menghantar anak-anak mereka menyertai kelas tuisyen percuma ini supaya hubungi Haji Mohd. Hafiz (Abd. Aziz) selaku Pengerusi MPKK Bukit Gelugor di sini," ujarnya pada sidang media sejurus Majlis Santai YB Syerleena Abdul Rashid Bersama-sama Penduduk Kuarters Polis dekat Taman Tun Sardon di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Kompleks Perumahan Polis Taman Tun Sardon, Sarjan Amiruddin Abdul Manaf serta beberapa jawatankuasa dan ahli MPKK Bukit Gelugor.

Dalam pada itu, Mohd. Hafiz ketika ditemui memberitahu bahawa respons yang diterima daripada ibu bapa adalah amat memberangsangkan.

"Ada dalam kalangan anak didik yang hadir ke tuisyen ini mendapat keputusan cemerlang, dan mereka ini akan menerima insentif khas daripada Ahli Parlimen Bukit Gelugor, YB Ramkarpal (Singh).

"Pihak kami (MPKK Bukit Gelugor) turut membuat penambahbaikan iaitu dengan mengenakan yuran komitmen sebanyak RM20 yang mana duit tersebut akan dipulangkan sekiranya pelajar hadir semua sesi kelas.

"Buat masa ini, pihak kami sememangnya ada menerima permintaan untuk menerima lebih ramai pelajar, namun keutamaan akan diberikan kepada penduduk di Seri Delima dahulu," katanya yang melihat kelas tersebut dapat memberi pengalaman berharga kepada para pelajar.

Dijayakan dengan kerjasama *Sunflower Home Tuition*, kelas tuisyen percuma tersebut dijalankan di Dewan Serbaguna MPKK Bukit Gelugor dengan jumlah pelajar antara 15 – 20 pelajar dalam satu-satu sesi.

## Program Mutiara Food Bank diperluas

**TANJUNG BUNGA –** Program Mutiara Food Bank kini diperluaskan ke Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Tanjung Bunga dan Pulau Tikus.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga, Zairil Khir Johari berkata, program berkaitan dimulakan pada Jun 2019 dengan mensasarkan kelompok komuniti yang memerlukan di kedua-dua KADUN.

"Melalui program ini, kita akan mengagihkan makanan kepada penerima dalam senarai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan AES (Agenda Ekonomi Saksama) termasuk mereka yang berada dalam kelompok B40.

"Makanan yang diperoleh akan ditempatkan di Astaka MBPP Desiran Tanjung, dan mereka yang dihubungi boleh ke sana untuk mengambilnya.

"Pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi kedua-dua KADUN akan membantu membuat kiraan stok dan sebagainya," ujarnya pada sidang media di Pasar dan Kompleks Makanan Tanjung Bunga dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit; Timbalan Ketua Pegawai Operasi Mutiara Food Bank, Muhammad Shameer Mohamed Sulaiman; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Connie Tan Hooi Peng dan P.R. Kaliyappan serta Naib Pengerusi Malaysia Hindu Sangam Cawangan Bukit Bendera, VN A. Tharman.

Mengulas lanjut, Zairil yang juga Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir berkata, pengagihan makanan akan dibuat dua kali sebulan secara bergilir dengan KADUN Pulau Tikus.

"Diharap program bantuan makanan percuma ini dapat membantu mereka yang memerlukan dari segi kos barang dapur.

"(Dan) saya amat mengalu-alukan mana-mana pihak yang berminat untuk turut serta dalam inisiatif dan menjayakan program ini untuk tampil bertemu dengan wakil berkaitan," katanya yang turut yakin bahawa program yang dilancarkan oleh Perdana Menteri itu terbukti amat berfaedah kepada komuniti setempat.

Program Mutiara Food Bank merupakan suatu inisiatif bantuan makanan secara langsung yang mensasarkan golongan B40 serta mereka memerlukan.

Program yang mula diperkenalkan pada 1 Mei 2017 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu juga bermatlamat mengurangkan pembaziran makanan dengan kerjasama pasar raya terkemuka, TESCO.

# Zipline colugo The Habitat, meledak adrenalina anda!



TEKNOLOGI pembinaan pelantar yang mesra pokok.

**IBARAT** terbang seperti seekor kubong atau nama Inggerisnya, *colugo*.

Itulah, pengalaman mengujakan yang dapat digambarkan penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD**.

Masing-masing diberi peluang merasai pengalaman meluncur di *Zipline Flight of The Colugo* dekat The Habitat, Bukit Bendera.

Kehadiran kami disambut dua pemandu arah atau *tourguide* iaitu Mohamad Fareez Razali dan Nur Zailis Ishak yang ditugaskan untuk membawa pasukan Buletin Mutiara menerokai tarikan terbaru di sini.

*Zipline* atau lazimnya dipanggil *flying fox* sememangnya menguji adrenalina setiap peserta yang ingin mencuba sesuatu yang lebih mencabar, dengan ketinggian dan kelajuan ketika melakukan luncur kabel berkenaan.

Sebelum melangkah masuk, kami diberikan taklimat keselamatan yang ketat terlebih dahulu.

Bersempena lawatan khas berkenaan, kami diberi peluang mencuba pakej *honeymoon zip* (pakej ditawarkan pada harga termurah dengan harga RM31.80).

Menurut Mohamad Fareez dan Nur Zailis, pakej tersebut dinamakan sedemikian kerana ia adalah aktiviti luncur secara berpasangan pada kabel bersebelahan.

"Laluan di *honeymoon zipline* ini adalah yang terpanjang antara semua *point* (pelantar) yang ada, laluannya kira-kira 80 meter (m) dan keseluruhan ada sembilan *point* (250m), satu menuruni pelantar *(abseiling)* dan satu merentasi titi gantung.

"Apa yang kami tawarkan di sini mungkin sedikit berbeza dengan beberapa lokasi lain di Pulau Pinang yang mana para peserta didedahkan dengan fakta-fakta akademik di sebalik keseronokan dirasai.

"Kami akan beri pendedahan dan penerangan kepada peserta… untuk itu, memang *tourguide* akan menemani para peserta dari *point* satu ke *point* sembilan berbanding tempat lain mungkin cuma di awal sahaja *tourguide* beri penerangan," ujarnya ketika ditemu bual semasa berehat di salah satu pelantar yang ada.

Sewaktu penulis melihat dua sahabat yang pertama kali mencuba *honeymoon zip*, debaran mereka dapat dirasai.

Mereka memerlukan jangka masa yang lama sebelum berlepas akibat 'ketakutan' untuk merentasi laluan tersebut, sementara jurugambar bersedia dengan kamera untuk merakamkan detik-detik tersebut.

Setelah 10 minit 'berdiskusi', pasangan tersebut bersetuju untuk dilepaskan oleh *tourguide* berkenaan, maka bergemalah dengan jeritan pasangan tersebut di seluruh hutan hujan tropika *The Habitat*.

Di salah satu pelantar, pengunjung berpeluang menikmati panorama hijau *Western Hill* dan juga Laut Andaman yang pastinya mengasyikkan.

Bagi pengetahuan umum, laluan *zipline* turut merentasi kawasan yang diwartakan sebagai hutan simpanan kekal. Sekiranya anda ternampak pokok yang ditandakan dengan warna merah, maka di situlah sempadan hutan simpanan kekal bagi kawasan berkaitan.

Umumnya, penulis amat tertarik dengan teknologi pembinaan pelantar yang 'mesra pokok', iaitu tanpa menggunakan sebarang skru atau paku.

"Di sini, kami memelihara pokok, jadi pembinaan pelantar adalah melekatkan tiang besi sambil dilapikkan getah agar pokok yang digunakan tidak cedera.

"Yang paling penting adalah pokok tersebut boleh membesar dengan sihat tanpa sebarang masalah. Antara pokok yang menjadi tiang utama di sini termasuk Damar Minyak, Jelutong dan Terap Nasi," jelasnya.

Pengalaman paling mengujakan sudah tentunya ketika menuruni pelantar kira-kira 10m menggunakan tali *(abseiling)*.

Ia sekali lagi akan menguji keberanian anda terutamanya kepada yang jarang melakukan aktiviti lasak atau takutkan ketinggian kerana pengalaman tersebut akan membuatkan peserta merasa seperti 'melayang-layang' dan 'kehilangan perut'.

Mengulas lanjut, Mohamad Fareez menjelaskan bahawa dua pemandu arah boleh membawa kira-kira lapan peserta pada satu-satu masa.

"Antara slot yang terdapat kini adalah pada jam 9:30 pagi, 10 pagi dan 11:30 pagi.

"Bagi untuk sesi petang, bermula dari jam 12 tengah hari, 3 petang dan 3:30 petang," katanya.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi *The Habitat* melalui *WhatsApp* di 019 - 6457741 atau talian 04 - 8267677 dan emel di *inquiry@thehabitat.my*.



**AKSI penulis di salah satu segmen *zipline*.**



**MOHAMAD Fareez Razali (kiri) dan Nur Zailis Ishak.**



**PASUKAN Buletin Mutiara berehat di salah satu pelantar selepas melalui salah satu cabaran *honeymoon zipline*.**